

Topik-Topik Terpilih bagi Bulan Ramadhan dan Syawal

Pelajaran daripada Shaykh Yasir Qadhi dan Omar
Suleiman

Makmor Tumin

If you are able to contribute...

1. Improvements to the materials (including publication possibilities) by contacting me through the following email: makmor.tumin@gmail.com
2. Financially by sharing the cost and effort (any amount is appreciated).
 - a. Here is the PayPal: <https://www.paypal.me/akmalmakmor>
 - b. Here is the bank account number: 7005307962 (Makmor Tumin - CIMB Bank)
3. A minute of your time by sharing the materials if you find them beneficial for others.

ISI KANDUNGAN:

Perkongsian 1 - Ramadhan: Jihad dan Janji Kemenangan

Perkongsian 2 - Membina akhlak: bersabar, menahan atau mengawal marah dan memaafkan

Perkongsian 3 - Imam Bukhari, Lelaki Photographic Memory

Perkongsian 4 - Kitab Sahih Bukhari dan Metodologi Kesahihan

Perkongsian 5 - Perang Jamal dan Siffin: Sayidatina Aisyah, Saidina Ali dan Muawiyah

Perkongsian 6 - Gurauan dan Jenaka Sebagai Satu Sunnah

Perkongsian 7 - Pembunuhan Husin di Karbala' (1) : Peranan Ibnu Aqil dan Ibnu Ziyad

Perkongsian 8 - Pembunuhan Husin di Karbala' (2) : Janji-janji Orang Kuffah

Perkongsian 9 - Latar Belakang al-Quran dan Surah Yasin

Perkongsian 10 - 10 Individu yang Dijanjikan Syurga dan Said Ibnu Zaid

Perkongsian 11- Bagaimana Kita Selepas Berpuasa di Bulan Ramadhan

Perkongsian 1 - Ramadhan: Jihad dan Janji Kemenangan

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillahirabbil 'alamin

Wa Salatu wa Salamu ala Ashraf al-Ambiya'i wa Imam al-Mursaleen, Sayyidina wa Mawlana Muhammadin wa ala alihi wa sahbihi ajmain

Rabbisyrahli shadri wa yassirlii amri, wahlul 'uqdatam millisani yafqahu qauli

Amma ba'd

- Bersyukur kita kepada Allah SWT kerana masih lagi diberi kesempatan untuk berpuasa sempena bulan Ramadhan ini.
- Mudah-mudahan selepas daripada Bulan Ramadhan ini, kita berjaya mengatasi atau mengalahkan kelemahan kita yang ada pada masa ini.
- Kita mungkin lemah disebabkan malas, degil, panas baran, pengotor, berdengki, mengumpat dan bermacam-macam lagi penyakit hati.
- Bulan puasa adalah kesempatan kerana ia merupakan madrasah untuk kita melatih diri mengatasi kelemahan kita, dan ia adalah merupakan satu jihad yang insyaAllah sekiranya kita bersungguh-sungguh, janji kemenangan akan dapat kita lihat pada awal malam Syawal, yakni hari raya nanti.
- Para sahabat berjihad bukan sahaja melawan nafsu, tetapi juga jihad dalam bentuk peperangan, dan sesuatu yang menarik untuk kita perhatikan, bahawa janji kemenangan perang atau jihad bukan sahaja pasti, tetapi sebahagian besar daripada peperangan yang besar dalam Islam berlaku pada bulan Ramadhan.
- Kita bukanlah lagi perlu berjihad untuk berperang, tetapi berjihad untuk mengalahkan kelemahan-kelemahan kita.
- Mudah-mudahan bulan Ramadhan ini kita gunakan bersungguh-sungguh untuk berjihad melawan nafsu kita yang lemah itu.
- Dalam perkongsian ini, akan kita bincangkan 6 perang yang berlaku dalam sejarah Islam, dan peperangan berkenaan bukan sahaja berlaku pada Bulan Ramadhan, tetapi juga merupakan jihad yang penting dalam sirah dan sejarah Islam.
- Berikut adalah 6 peperangan sebagaimana yang pernah dibincangkan dalam Syeikh Yasir Qadhi, dalam sebuah khutbah Jumaatnya.

1. Perang Badar - 2 Hijrah
2. Pembukaan Kota Mekah - 8 Hijrah
3. Penaklukan Cordova, Sepanyol - 93 Hijrah
4. Penaklukan Sindh, India - 94 Hijrah
5. Perang Hittin - 583 Hijrah
6. Perang Ain Jalut - 658 Hijrah

- InsyaAllah, kita akan cuba bincangkan keenam-enam peperangan yang berlaku pada Bulan Ramadhan, dan merupakan peperangan yang penting dalam sirah dan sejarah Islam itu tadi.
- Pada 17 Ramadhan, 2 Hijrah, berlaku Perang Badar antara umat Islam dengan pihak Quraisy.
- Untuk catatan, sebelum hukum tentang berpuasa pada bulan Ramadhan diturunkan, umat Islam berpuasa pada hari Asyura, iaitu 10 Muharram.

- Sekarang ini, 10 Muharram adalah hari yang dituntut untuk berpuasa, dan sangatlah elok jika berpuasa sehari atau selepas daripada hari ini.
- Perang Badar sangatlah penting, sebagaimana yang dicatatkan dalam Surah al-Anfal, merupakan al-Furqan, iaitu penentu kebenaran daripada kebatilan.
- Dalam perang ini sebenarnya, umat Islam diberi pilihan untuk mengejar harta yang dibawa oleh kafilah Abu Sufian, atau berdepan dengan tentera dibawah Abu Jahal.
- Menahan kafilah Abu Sufian membawa erti bahawa umat Islam pada ketika itu memilih harta.
- Tetapi nabi telah memutuskan supaya berdepan dengan pihak musyrikun yang menyembah berhala.
- Perang ini berakhir dengan kemenangan yang besar umat Islam, walaupun tentera Islam hanyalah berjumlah 313 berbanding dengan tentera musyrikun, yang kira-kira 1000 ramainya.
- Bukan itu sahaja, pembesar-pembesar Quraisy terkorban, termasuklah Abu Jahal dan Umayyah bin Khalaf sendiri.
- Abu Lahab yang trauma mendengar akan kekalahan ini di Mekah, kemudiannya juga meninggal dunia.
- Tawanan perang melebihi 70 orang, termasuk Abbas, dan Abu al-As ar-Rabbi juga menjadi tawanan perang yang pada masa itu masing-masingnya belum lagi memeluk agama Islam.
- Islam yang ada pada hari ini telah melalui sirah dan sejarah yang panjang, dan Perang Badar merupakan satu detik penting yang memisahkan antara kebenaran dan kebatilan.
- Perang yang kedua adalah yang berkaitan dengan pembukaan Kota Mekah pada 8 Hijrah.
- Melalui penaklukan yang berlaku pada 23 Ramadhan ini, bukan sahaja menunjukkan negara Islam telah mula diterima sebahagian majoriti penduduk arab, tetapi amalan penyembahan berhala telahpun dihapuskan.
- Pada hari ini, satu-satunya negara di dunia yang tiadanya amalan penyembahan berhala adalah di tanah Arab.
- Melalui pembukaan inilah, hampir keseluruhan pembesar Quraisy bermula dengan Abu Sufian sendiri, kemudian diikuti oleh Suhayl bin Amr dan ramai lagi.
- Anak Abu Jahal, Ikrimah, juga kemudiannya memeluk agama Islam, dan syahid di Yarmouk.
- Pembukaan Kota Mekah bererti, penyeksaan dan penindasan orang Islam yang berlaku di Mekah buat tempoh yang panjang, dan perang berterusan sebelum pembukaan Kota Mekah telahpun berakhir.
- Ini merupakan satu jihad yang sangat panjang yang dilalui para sahabat dan Rasulullah SAW sendiri.




Pembukaan Kota Mekah pada 8 Hijrah merupakan peristiwa yang bersejarah kerana kedua-dua tanah, Mekah dan Hijaz telah bersatu dibawah panji Islam. Apa yang menariknya ialah, peristiwa ini berlaku pada Bulan Ramadhan, sebagaimana peristiwa Perang Badar, yang kedua-duanya menjanjikan kemenangan kepada umat Islam. Berpuasa harus dijadikan motivasi untuk bersemangat dan berjihad untuk kejayaan.

- Pembukaan Kota Mekah dan keperibadian nabi memberi pengampunan kepada musuh-musuh Islam, menunjukkan bahawa Islam bukanlah agama peperangan dan pembunuhan, sebaliknya agama dakwah.
- Nabi sendiri mengambil contoh Nabi Yusuf, AS yang mengampunkan saudara-maranya pada ketika baginda berada pada kedudukan tinggi sebagai pemerintah di Mesir sebagaimana dalam Surah Yusuf.
- Peristiwa ketiga pula adalah berkaitan dengan penyebaran Islam di Eropah yang dipimpin oleh Tariq bin Ziyad yang berlaku pada 20-28 Ramadhan, 93 Hijrah.
- Tentera Islam yang hanya kira-kira 10,000 orang, melalui laut, meninggalkan semua kelengkapan laut untuk memberanikan diri berada di darat, dan terus maju untuk menyerang Raja Roderic yang merupakan seorang diktator, bersama-sama dengan tenteranya yang kira-kira 40,000-100,000 orang.
- Tentera yang dipimpin oleh Tariq bin Ziyad ini bukan sahaja menakluki Cordova dan seterusnya mengembangkan agama Islam, tetapi daripada gerakan Islam inilah kemudiannya dakwah dan tentera Islam terus bergerak sehingga hampir ke Kota Paris, di Perancis.
- Menurut ilmuwan bukan Islam di Eropah, sekiranya tentera ini berjaya menawan Paris pada ketika itu, dan kawasan eropah lain, universiti-universiti terkini seperti Oxford, akan membaca al-Quran dan Hadis, Wallahua'lam.
- Kejayaan ini dicapai pada bulan Ramadhan, dan jihad yang mereka lalui adalah jihad berbentuk peperangan, tidaklah seperti yang perlu kita lawan, iaitu kelemahan nafsu kita, baik kerana malas, bengis, pengotor, mengumpat, dan lain-lain yang disentuh pada awal tadi.
- Peristiwa yang keempat pula berlaku pada 94 Hijrah, juga di penghujung Ramadhan, di Wilayah Sindh, India, yang mana pasukan Islam dibawah Muhammad bin Qasim at-Thaqafi telah diarahkan untuk menentang Raja Dihar yang bertanggungjawab

menceroboh kapal-kapal Islam dan wanita-wanita Islam, dengan pasukan perang berserta dengan 100 ekor gajah, telah melawan tentera-tentera Islam dibawah Muhammad bin Qasim ini.

- Untuk catatan, pada ketika itu Khalifah Umayyah dibawah al-Hajjaj Ibn Yusuf at-Thaqafi adalah pemerintahnya, dan beliau mempunyai hubungan persaudaraan dengan Muhammad bin Qasim sendiri.
- Tentera Islam berjaya menumpaskan Raja Dihar, dan daripada sinilah timbulnya beberapa dinasti Islam seperti Multan dan Sindh, yang masing-masingnya berada di sekitar Pakistan, berhampiran dengan Karachi.
- Salah satu dinasti terpenting adalah dinasti Habbari, dan Habbari adalah daripada Habbar Ibn al-Aswad yang pernah disenaraikan sebagai musuh Islam satu masa dahulu, dan perlu dihukum bunuh.
- Untuk catatan, Habbar pada zaman Islam dahulu, pernah menghalang unta yang dinaiki oleh Zainab yang hendak dipulangkan oleh Abu al-As ibn al-Rabi', menantunya, kepada baginda.
- Akibatnya, Zainab telah terguling dan menghadapi masalah keguguran.
- India terkenal dengan pasukan tentera dan pedang yang dipanggil Muhannad.
- Nabi pernah, dalam sebuah syair yang ditulis oleh al-Zuhair sebagai Muhannadun, iaitu mempunyai kehebatan dan kualiti dan tinggi, dan al-Zuhair pernah diberikan selendang oleh baginda, dan beliaulah yang menulis Burdah al-Zuhairi.
- Peristiwa kelima pula adalah berkaitan dengan Perang Hittin, yang menurut satu catatan, berlaku pada 3 September dan berakhir pada 11 September (tarikh kontroversial), pada tahun 1260 bersamaan dengan 583 Hijrah.
- Perang Hittin adalah perang yang dipimpin oleh Salahuddin al-Ayyubi.
- Sebagai seorang Islam, sewajarnya kita tahu mengenai peristiwa ini.
- Salahuddin al-Ayyubi telah mengambil semula kota Baitul Maqdis yang ditawan oleh pihak Frankish Kingdom, yang beragama kristian, kira-kira 93 tahun sebelumnya.
- Orang-orang Islam, lelaki dan perempuan telah dibunuh dengan kejam.
- Kota Maqdis yang pernah dibuka Sayidina Umar RA telah ditakluki oleh pemerintah Frankish Kingdom dengan zalimnya.
- Melalui Perang Hittin inilah, Salahuddin al-Ayyubi bukan sahaja mengambil kembali kota Maqdis, tetapi dengan adab tentera Islam.
- Beliau sendiri antara lain menyebut bahawa, Islam bukanlah agama pembunuhan, dan beliau mahu mencontohi pendirian nabi ketika membuka Kota Mekah, dalam keadaan aman dan memberi pengampunan.
- Baitul Maqdis dibuka sebagaimana Kota Mekah dibuka, dan sebagaimana Nabi Yusuf AS yang mana keampunan diberikan ketika pemimpin berada di kedudukan yang tinggi.
- Melalui peristiwa Hittin yang berlaku pada Bulan Ramadhan inilah, maruah umat Islam dan dakwahnya terus dapat dikembangkan.
- Peristiwa yang terakhir, iaitu keenam dalam perkongsian kita ini ialah yang berkaitan dengan Ain Jalut, yang juga berlaku pada bulan Ramadhan, tahun 658 Hijrah.
- Ain Jalut adalah satu kawasan mata air di mana dinasti Islam yang dibangunkan oleh kumpulan hamba (Mamluk), telahpun berjaya membuat langkah penting bagi mengembangkan dinasti Mongolia yang terkenal dengan keganasan dan zalim.
- Untuk catatan, Genghis Khan pernah menyerang Samarkhand dan merempuh masjid dan antara lain, beliau menurut sejarah, ada menyebut bahawa tuhan telah menghukum umat Islam melaluiku, kerana engkau Umat Islam tidak mengikut ajaranmu lagi.

- Ada catatan yang menyebut bahawa dinasti Islam Samarkhand bukan sahaja pada satu ketika membunuh *emissary* atau duta Mongolia, tetapi juga pernah tidak jujur dan merampas harta orang-orang Mongolia.
- Daripada dinasti Mongol inilah kemudiannya, anak dan cucu-cicit Genghis Khan dari timur, terus merempuh empayar Islam sehingga sampai ke Mesir.



Empayar Islam telahpun ditindas dibawah pengaruh orang-orang Mongol. Daripada semangat pemimpin Islam seperti Saifuddin Muzaffar Al-Qutuz dan Baibars yang ditunjukkan pada bulan Ramadhan, empayar Islam telah kembali dipulihkan, sehinggalah nikmat Islam dapat kita rasakan pada hari ini. Tidak ada sebab kita tidak boleh produktif pada Bulan Ramadhan, sehingga pernah satu ketika di Tunisia, pemerintahnya meminta mufti supaya mengeluarkan fatwa melarang berpuasa kerana menjejaskan produktiviti negara, Subhanallah, MasyaAllah.

- Pada ketika itu, terdapat buku-buku yang menyebut Ya'juj dan Ma'juj telah keluar untuk menghancurkan Islam, dan kiamat akan datang, matahari akan terbit daripada Barat.
- Buku-buku ini masih boleh dibaca sehingga ke hari ini.
- Tentera-tentera Mongol ini telah membunuh umat Islam dengan begitu ramainya, sehingga kejutaan, dan Baghdad telah ditawan pada 1256, yang mana khazanah ilmu telahpun dimusnahkan.
- Pernah dicatatkan bahawa Sungai Tigris menjadi hitam, apabila buku-buku dicampakkan ke dalam sungai.
- Daripada dinasti Mamluk di Mesir, dalam peristiwa yang disebut sebagai Ain Jalut pada bulan Ramadhan, tentera-tentera Islam bawah pimpinan Saifuddin Muzaffar Al-Qutuz

dan Baibars, telah mula mengorakkan langkah untuk menewaskan satu persatu tentera Mongol.

- Dengan kehendak dan izin Allah SWT juga, orang Mongol ini memeluk agama Islam, sehingga keturunannya membina dinasti termasuk dinasti Mughal di India.
- Ya Allah, sesungguhnya cabaran dan dugaan yang dilalui oleh nabi dan para sahabat, dan ujian para sahabat sebelum ini sangat besar untuk menyebarkan dakwah dan mengangkat agama Islam.
- Ya Allah, sumbangan kami kecil Ya Allah, kami tidak diuji dan diperintahkan untuk berjihad sedemikian itu Ya Allah.
- Ya Allah, bantulah kami Ya Allah, untuk berlawan dan jihad mengatasi kelemahan-kelemahan dalam diri kami Ya Allah.
- Bantulah kami Ya Allah, mudah-mudahan dalam Bulan Ramadhan ini, engkau berikan kami kejayaan untuk mengalahkan perangai-perangai buruk kami seperti pemalas, pengotor, pembengis, tidak bersopan, tidak bertanggungjawab, dan lain-lain perangai keji kami Ya Allah.
- Ya Allah, kami malu Ya Allah, dalam keadaan nabi dan para sahabat serta pemimpin Islam lain berjihad melawan musuh di depan mata, dengan peperangan dan darah kami tidak mampu Ya Allah, untuk melawan kelemahan kami dari dalaman Ya Allah.
- Ya Allah, mudah-mudahan Ramadhan ini engkau berikan kekuatan kepada kami untuk kami berjihad mengalahkan kelemahan-kelemahan itu Ya Allah.
- Ampunkanlah kami Ya Allah, ampunkanlah dosa kedua-dua ibu-bapa kami Ya Allah, ampunkanlah umat Islam keseluruhannya Ya Allah.
- Wa sallallahu ala sayyidina Muhammad, wa ala alihi wasahbihi wasallam.
- Walhamdulillah rabbi alamin.

2 Hijrah



Perang Hittin

● Salahuddin al-Ayyubi

8 Hijrah



Perang Badar

● Saifuddin Muzaffar al-Qutuz dan Baibars

93 Hijrah



Penaklukan Sindh, India

● Rasulullah SAW

94 Hijrah



Perang Ain Jalut


● Hajjaj Ibn Yusuf at-Thaqafi

583 Hijrah



Penaklukan Cordova, Sepanyol

658 Hijrah



Pembukaan Kota Mekah

● Tariq bin Ziyad

Perkongsian 2 - Membina akhlak: bersabar, menahan atau mengawal marah dan memaafkan

Bismillahirrahmanirrahim, alhamdulillahirabbilamin, wassolatuwassalamu'ala saiyidina muhammadin waala alihi wasahbihi wassallim

- Pada perkongsian kali ini, kita akan cuba berbincang tentang tajuk yang sangat penting dan sering juga dibincangkan di mana-mana forum iaitu akhlak yang mulia.
- Secara amnya, semua orang tahu dan bersetuju kalau kita katakan berakhlak mulia (*husnu al khuluk*) adalah perihal menjaga pertuturan, tingkah laku, dan penampilan diri yang baik di depan orang.
- Kenapa kita bersetuju rata-ratanya kerana berakhlak mulia ini sudah menjadi fitrah sama ada kanak-kanak atau orang tua, kita akan bersetuju dengan maksud berakhlak mulia seperti ini.
- Secara amnya, sebagaimana yang ada disebut oleh orang-orang alim, keseluruhan ayat Qur'an dan Hadith tentang akhlak itu terpancar pada kata-kata "lakukanlah kebaikan kepada orang lain sebagaimana kita mahu orang lain melakukan kebaikan kepada kita".
- Salah satu faktor kita dapat merasai nikmat Islam pada hari ini kerana adanya akhlak terpuji pada diri Baginda SAW.
- Dalam ayat Quran ada disebutkan tentang Nabi Muhammad itu mempunyai akhlak yang baik dan dalam sumber yang lain pula ada menyebut wahyu yang diturunkan kepada Nabi itu tidak akan dapat dimanfaatkan kepada orang lain sekiranya Nabi itu tidak berakhlak.
- Kita telah dengar dan baca banyak ciri-ciri terpuji Baginda selain daripada 4 yang penting (*Siddiq, Amanah, Fatonah, Tabligh*),
- Pernah satu ketika dalam perang *Hunain*, peperangan yang menjanjikan *Ghanimah* yang besar kepada umat Islam, pemimpin Badwi bersikap kasar dengan Baginda ketika Baginda membahagikan harta.
- Pemimpin berkenaan mencekai pakaian di bahagian leher Baginda dan meminta Baginda supaya mengagihkan kekayaan secara adil kepada dirinya juga. Nabi bersabar dan tersenyum sambil mengarahkan supaya harta rampasan yakni *Ghanimah* juga diberikan kepada beliau.
- Syeikh Yasir Qadi dalam salah satu khutbah Jumaatnya ada menerangkan tentang tujuh kebaikan tentang berakhlak ini.
- Pertamanya, dengan berakhlak, kita akan mudah berjaya. Nabi sendiri berjaya dalam dakwahnya kerana akhlaknya.
- Baginda pernah mengingatkan Muadh bin Jabbal yang dilantik menjadi Mufti di Yaman untuk sentiasa bertakwa dan juga berakhlak mulia. Nasihat ini penting kerana melalui akhlak mulia sahajalah individu itu dihormati dan dakwahnya disenangi
- Kedua, Allah mengangkat darjat seseorang itu bukan kerana harta, kuasa, tetapi kerana akhlaknya. Orang yang kaya jika tidak berakhlak seperti sombong dan berbangga diri, tidak akan dihormati.
- Lihatlah contoh-contoh bagaimana Abu Jahal yang disebut sebagai Firaun Quraisy dan Firaun sendiri pun yang tidak disukai kerana tidak berakhlak.



Perang Hunain berlaku pada 8 Hijrah, sejeurus selepas pembukaan Kota Mekah. Selain daripada Perang Khaibar, kesudahan Perang Hunain adalah kejayaan Islam berserta dengan Ghanimah (harta rampasan yang banyak). Pada masa inilah adanya orang Badwi yang merentap baju di bahagian leher nabi, meminta nabi supaya memberikan harta rampasan kepadanya secara adil. Dengan akhlak yang mulia, nabi tersenyum, lalu mengarahkan supaya harta juga diberikan kepada beliau. Jika berada pada status yang tinggi dan diperlekehkan oleh orang bawahan, biasanya kita akan melenting dan marah. Sewajarnya akhlak nabi bukan sahaja dipuji, malah menjadi ikutan kita, InsyaAllah.

- Ketiga, ganjaran orang yang berakhlak ini sama tingginya dengan orang yang *Sawama* dan *Qawama*, iaitu orang yang banyak puasanya dan banyak solatnya, terutamanya solat tahajjud.
- Kita mungkin tidak mampu untuk menjadi para sahabat yang mampu berpuasa pada semua puasa-puasa sunat atau seperti isteri-isteri nabi yang mendapat gelaran *Sawama* dan *Qawama* itu, misalnya Hafsah dan lain-lainnya.
- Tetapi sekiranya kita dapat berakhlak, inshaaAllah kedudukan yang sama juga diberikan kepada kita
- Yang keempat, Akhlak adalah sebahagian daripada iman dan akhlak seseorang itu adalah lambang amalan agamanya, *Ad-Deen al Muamalah* iaitu agama seseorang itu ada pada cara dia berhubungan dengan orang lain.
- Kita lihat bagaimana Rasulullah bukan sahaja berhubungan baik dengan orang Islam, tetapi memberikan contoh yang baik kepada orang bukan Islam.

- Pernah satu ketika Baginda berhenti seketika di kubur seorang Yahudi tetapi diberitahu oleh sahabat, dan Baginda menerangkan betapa pentingnya menghormati sesama manusia, meskipun orang bukan Islam
- Nabi bukan sahaja menjaga hubungan manusia yang hidup, tetapi manusia yang telah meninggal dunia juga.
- Dengan berakhlak juga, kita akan mendapat banyak faedah lain. Syeikh Yasir Qadhi menambah tiga lagi rahmah atau kebaikan orang yang berakhlak,
- Yang kelima, tentang Allah menyukai hambanya yang berakhlak. Allah itu cantik dan amat menyukai kecantikan dan ini merupakan hadis nabi, dan hadis ini disambung dengan Allah menyukai orang yang berakhlak. Pendeknya, dengan berakhlak, bukan sahaja disukai oleh manusia, tetapi lebih penting oleh Allah SWT.
- Yang keenam, dari segi timbangan pahala di akhirat nanti, pahala akhlak adalah antara pahala yang paling berat selepas Aqidah. Malah, pernah ditanya kepada Nabi bagaimanakah cara yang mudah untuk masuk syurga? Dan Nabi menyebut tentang bertaqwa dan berakhlak adalah cara yang bermudah.
- Yang ketujuh, Nabi pernah menyebut bahawa orang yang berakhlak orang yang paling hampir denganku di Akhirat nanti dan mereka yang tidak berakhlak akan berada jauh dariku.
- Persoalannya, apakah yang perlu dilakukan untuk berakhlak dan apakah cabaran besar untuk melakukannya? Secara amnya, ada dua ekstrim yang perlu kita perhatikan untuk menjadi hamba Allah yang berakhlak.
- Ekstrim yang pertama, hanya menumpukan kepada ibadah seperti sembahyang dan puasa tanpa memikirkan keperluan masyarakat demi menjaga akhlak dengan Tuhan.
- Ekstrim yang satu lagi pula berbuat baik dengan masyarakat untuk menjaga akhlak sesama manusia tanpa taat kepada hukum hakam Allah seperti sembahyang dan puasa tadi.
- Sayidatina Aisyah pernah menanyakan Nabi tentang kedudukan datuk saudaranya, Ibnu Jun'an yang sangat baik akhlaknya, pemurah, berbudi pekerti dan mulia, amat mengambil berat tentang kepentingan masyarakat di Akhirat kepada Rasulullah. Rasulullah menyebut bahawa hubungannya dengan masyarakat sememangnya baik, tetapi dia tidak dijanjikan syurga kerana hubungannya dengan Allah tidak dijaga. Kita pernah membincangkan tentang soalan yang sama, Adi Ibn Hatim, iaitu anak Hatim Tai, legenda terkemuka dan Rasulullah memberikan jawapan yang sama.
- Pendeknya, jika kita hendak berakhlak dengan berbaik kepada masyarakat, kita bukan sahaja perlu melakukannya kerana Allah, tetapi juga taat akan perintah-perintahnya yang lain.



Sewajarnya cogan kata diatas menjadi pedoman kita, kerana sebagaimana yang telah kita bincangkan dalam perkongsian sebelum ini, kita mungkin tidak mampu menjadi Sawama dan

Qawama, orang yang banyak puasa dan tahajudnya, tetapi dengan berakhlak, kita insyaAllah dapat menyamai mereka. Dengan berakhlak, kita bukan sahaja disenangi, tetapi juga menyenangkan orang lain, Amin.

- Ada dicatatkan dalam Hadis Imam Bukhari yang mana Rasulullah memberitahu tentang manusia yang mufliis yang mana di akhirat nanti pahalanya atau kebajikannya sangat menggunung banyaknya tetapi disebabkan akhlak buruknya, suka mengumpat dan mengata, maka keseluruhannya hilang atau habis dan diberikan kepada orang yang diumpatnya itu.
- Di bahagian permulaan tadi, kita ada menyebut bahawa akhlak adalah tentang menjaga pertuturan, tingkah laku dan penampilan yang baik di hadapan orang lain. Sebenarnya, pada keadaan biasa, semua orang boleh melakukannya.
- Namun, apabila diuji atau dicabar, amat mudah akhlak berkenaan hilang. Akhlak seseorang itu boleh hilang bukan disebabkan oleh dirinya, tetapi disebabkan oleh sikap orang lain seperti degil, pemalas, bodoh dan sebagainya. Orang yang berakhlak akan mudah menjadi marah disebabkan kelemahan orang-orang lain itu.
- Maka tidak hairanlah dalam banyak perkara, apabila para sahabat meminta sahabat Baginda dan meminta nasihat yang paling penting, Nabi antara lain menyebut “*la tarda, la tarda, la tarda*”. (Janganlah marah) seseorang yang hebat itu bukanlah orang yang menang dalam pergaduhan, tetapi yang dapat mengawal perasaan marahnya,
- Ibnu Abbas antara lain pernah menyebut berbilang-banyak bersabarlah jika berdepan dengan orang yang jahil. Banyaklah mengawal marahmu jika berdepan dengan orang yang banyak menyinggung dan menyakitkan hatimu. Dan maafkanlah atau lupakanlah sahaja kesalahan orang yang berbuat jahat kepada dirimu. Jika kita dalam nasihat Ibnu Abbas ini, insyaaAllah kita dapat menghayati maksud membina akhlak yang mulia itu.
- Jika kita perhatikan, Nabi Muhammad SAW yang dibincangkan sebelum ini dalam Perang Hunain menunjukkan akhlak mulia menangani kebidapan orang Badwi, kita akan mendapati bahawa apa yang disebutkan Ibnu Abbas ini ada kesemuanya pada nabi itu. Nabi bersabar dengan kebidapan orang Badwi mengarahkan mengagihkan kekayaan.
- Nabi menahan atau mengawal marahnya, dan lebih penting, nabi boleh tersenyum kerana nabi memaafkan orang Badwi berkenaan.
- Sewajarnya itulah yang menjadi pedoman kita.
- Secara amnya, kita haruslah menjaga akhlak kita dengan Allah, sesama manusia, akhlak terhadap diri kita dan begitu juga makhluk yang lain.
- Taat kepada perintah Allah, berbuat baik sesama manusia, Islam atau bukan Islam, menunaikan hak diri kita seperti menjaga kesihatan dan kebersihan diri juga merupakan sebahagian daripada akhlak, Menjaga hak haiwan dan tumbuh-tumbuhan juga sebahagian daripada akhlak yang mulia.
- Satu perkara yang penting dan sering mencalar akhlak atau melemahkan akhlak kita adalah kegagalan kita mencontohi Nabi dalam perkara yang berikut, iaitu Nabi adalah manusia yang paling berakhlak dan Baginda yang paling berakhlak dengan keluarga dan isterinya.
- Kita mungkin boleh bersabar dengan kejahilan, kedegilan, orang lain. Tetapi kita sering gagal bersabar dengan kedegilan, kemalasan ahli keluarga kita sendiri. Seringkali suami hilang akhlaknya kerana tidak dapat bersabar dengan kelemahan ahli keluarganya walaupun di pejabat misalnya, boleh bersabar dengan masalah yang lebih besar.

- Kita mungkin boleh mendengar nasihat Ibnu Abbas supaya menahan kemarahan apabila orang lain menyinggung perasaan kita, tetapi jika anak dan isteri kita melakukannya, kita mudah menjadi berang dan hilang akhlak.
- Begitulah seterusnya kita mungkin boleh memaafkan orang lain tetapi mengapa sukar untuk kita memohon maaf dan memaafkan ahli keluarga kita.
- Seorang anak mungkin mudah berakhlak mulia di hadapan gurunya, dengan taat arahan daripada sekolah, tetapi tidak semuanya taat ketika berada di rumah. Seorang isteri mungkin lemah lembut di luar rumah dan tempat kerja, tetapi seringkali menjadi cengeng dan bengis apabila berada di dalam rumah. Nabi pernah menyebut seorang lelaki yang baik adalah yang baik kepada isterinya, termasuk juga ahli keluarganya.
- InshaaAllah kita mungkin tidak mampu untuk menjadi lelaki atau wanita *Sawama* dan *Qawama*, yang banyak puasa dan solat tahajudnya, tetapi sebagaimana yang telah dijanjikan Allah dengan berakhlak mulia, kita diberikan ganjaran yang sama.
- Demikian itu, sebagai cara untuk istiqamah dalam berakhlak mulia, dan sentiasa peka dengan cabaran dan ujian untuk berakhlak mulia, terutamanya dalam keluarga, adalah dengan sentiasa berakhlak dan melakukan kebaikan bagi mendapat keredhaan Allah, bukan menginginkan sanjungan manusia.
- Seorang suami atau isteri yang melakukan kebaikan dan mengharapkan penghargaan pasangannya akan berakhir dengan hampa tetapi jika mengharapkan keredhaan Allah, sebarang reaksi pasangan masing-masing tidak akan memberi bekas kerana yang diharapkan adalah keradhaan dan Rahmat Allah SWT.
- Begitulah halnya antara anak-anak dan ibubapa serta ibubapa dan anak-anak.
- Mudah-mudahan dengan perkongsian ini, kita dapat menambah ilmu serta dapat meningkatkan amal kita.
- Semoga kita dapat membina akhlak yang mulia bukan sahaja di luar rumah seperti di tempat kerja atau tempat awam yang lain, tetapi yang lebih penting adalah berakhlak ketika bersama keluarga.
- Ini kerana cabaran dan ujian yang terpenting adalah ketika bersama keluarga.
- Wabillahitaufiq walhidayah. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Perkongsian 3 - Imam Bukhari, Lelaki Photographic Memory

- Astaghfirullahalazim, astaghfirullahalazim, astaghfirullahalazim.
- Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan Qudrat dan IradatNya kita masih lagi dapat menarik dan melepaskan nafas, dan kita tidak tahu bila-bila masa sahaja Allah boleh membenarkan kita menarik tanpa melepaskan nafas itu.
- Dengan kata lain, mati itu boleh datang pada bila-bila masa sahaja.
- Pada perkongsian kali ini, kita akan cuba menambahkan pengetahuan kita tentang salah seorang ilmuwan hadis yang terkemuka, yang sering disebut sebagai Imam Bukhari.
- Kita tahu bahawa sumber ilmu bagi seorang Islam itu adalah al-Quran dan Hadis.
- Kita telahpun mengetahui serta sering membaca ayat-ayat al-Quran, dan mungkin sesetengah kita kurang membaca hadis berbanding daripada al-Quran, meskipun benar bahawa ayat al-Quran itu sangat penting untuk dibaca.
- Sekurang-kurangnya ada 6 orang ilmuwan atau perawi hadis yang sangat terkemuka iaitu Imam Bukhari, Imam Muslim, Imam at-Tirmizi, Imam Nasai, Imam Abu Daud, dan Ibnu Majah.
- Kita seharusnya selain daripada memiliki naskhah al-Quran di rumah kita, juga sewajarnya memiliki senaskhah kitab hadis, sekurang-kurangnya 1 daripada 6 imam-imam di atas, atau daripada sanad imam-imam lain, seperti Musnad Imam Ahmad misalnya.
- Amatlah menyedihkan sekiranya kita tidak memiliki kitab hadis di rumah kita, dan lebih malang sekiranya tidak ada pula naskhah al-Quran.
- Kita akan tumpukan perbincangan kita tentang Imam Bukhari ini dalam beberapa sudut, pertamanya, kita akan tinjau latar belakang beliau serta keluarganya.
- Nama beliau sebenarnya ialah Abu Abdullah Muhammad bin Ismail bin Ibrahim bin al-Mughairah bin Bardizbah al-Ju'fi al-Bukhari.
- Moyangnya yang bernama Mughairah telah memeluk agama Islam melalui para sahabat, dan bapa Mughairah, Bardizbah adalah pemeluk agama Zoroastria atau Majusi.
- Dapat dijangka Bardizbah ini ataupun bapanya mungkin hidup sezaman dengan Rasulullah SAW, kerana Mughairah, anaknya, hidup pada zaman sahabat.
- Beliau berasal daripada wilayah Khurasan yang besar, daripada kota Bukhara, salah satu gugusan Parsi, dan Imam Bukhari sendiri sangat mahir berbahasa Parsi, dan bahasa itulah merupakan bahasa ibundanya.
- Keturunannya disebut sebagai al-Ju'fi Maulahum al-Bukhari.
- al-Bukhari merujuk kepada tempat Bukhara, al-Ju'fi merujuk kepada puak yang mengambil puak bukan arab sebagai keluarga Islamnya, dan ini menjadi tradisi pada zaman tersebut, yang mana orang-orang bukan arab memiliki identiti arabnya melalui puak mana yang mengislamkannya.
- Perkataan Maulahum membawa maksud "Yang bukan Arab tetapi memeluk agama Islam".
- Imam Bukhari bolehlah dikatakan lahir dalam keluarga yang mewah.
- Bapanya selain daripada merupakan seorang saudagar, tetapi juga berminat untuk berguru, khasnya dalam bidang ilmu hadis.
- Bapanya pernah berguru dengan Imam Malik, dan ini mungkin agaknya faktor yang menarik perhatian beliau kemudiannya untuk mendalami ilmu Hadis berkenaan.
- Beliau lahir pada tahun 194 Hijrah, dan meninggal dunia pada tahun 256 Hijrah, di kota Bukhara.

- Sejak kecil lagi, iaitu pada usia 7-8 tahun, beliau telah menunjukkan minat dalam ilmu agama, khususnya ilmu Hadis, dan bolehlah dikatakan pada usia 11 tahun lagi, beliau telah berguru dengan semua imam yang berada di Kota Bukhara itu.



Dalam sesi-sesi seumpama inilah Imam Bukhari sejak kecil lagi menunjukkan keistimewaan. Bukan sahaja tekun, tetapi dapat mengesan beberapa masalah ketidakaturan sesetengah gurunya dalam menceritakan susunan perawi hadis. Maka tidak hairanlah pada usia 18 tahun lagi beliau telah dapat menghasilkan “ensiklopedia” biografi perawi-perawi hadis, yang dijadikan rujukan sehingga ke hari ini. Jika ada orang yang ingin mengkritik Imam Bukhari, sewajarnya dicerminkan dirinya terlebih dahulu, wallahua’lam.

- Pada zamannya, guru-gurunya bolehlah dikatakan pembawa hadis yang melalui tiga orang periwayatnya.
- Iaitu daripada sahabat yang mendengarnya daripada nabi, kemudian kepada sahabat yang mendengarnya daripada sahabat, dan daripada guru Imam Bukhari, yang mendengar daripada sahabat ke sahabat itu.
- Sejak usia awal belasan tahun lagi, beliau telah dapat mengesan bahawa sesetengah gurunya tidak mengingat urutan secara tepat tentang sahabat-sahabat yang disebutnya.
- Sebagai contoh, katakanlah sahabat A mendengar daripada Rasulullah SAW dan kemudian sahabat B mendengar daripada A, dan sahabat C mendengar daripada B dan kemudiannya disampaikan gurunya kepada beliau, seringkali beliau dapati urutannya menjadi terbalik, tidak A kepada B kepada C ($A > B > C$), sebaliknya kadangkala menjadi B kepada A kepada C ($B > A > C$) dan mungkin juga C kepada A kepada B ($C > A > B$), wallahua’lam.
- Pada zaman itu, seorang yang dikatakan guru, secara tradisinya tidak menggunakan kitab atau nota ketika mengajar bagi menampakkan ketinggian ilmunya.
- Pernah dikatakan bahawa sejak usia belasan tahun lagi, Imam Bukhari pernah meminta gurunya supaya menyemak urutan nama-nama perawi berkenaan dan ternyata teguran kanak-kanak awal belasan tahun ini bernas.
- Daripada sini sudah nampak betapa beliau memiliki daya ingatan atau apa yang disebut pada zaman moden ini, *Photographic memory* yang mungkin pada ketika itu tidak terserlah kekuatannya lagi.
- Bapanya telah meninggal dunia sejak beliau kecil lagi.

- Ketika berusia 16 tahun, beliau, ibunya, dan saudara tuanya pergi untuk menunaikan haji.
- Pada ketika itu, perjalanan untuk mengerjakan haji mengambil masa tempohnya yang sangat lama.
- Seorang yang daripada Bukhara ataupun Andalus di Sepanyol mungkin mengambil masa berbulan-bulan untuk ke Mekah.
- Oleh itu, tidak mungkin kesempatan berada di Mekah digunakan untuk berada dalam tempoh yang singkat sahaja.
- Ketika berada di Mekah untuk menunaikan haji itu, Imam Bukhari bertemu dengan ramai tokoh-tokoh Ilmuwan.
- Oleh itu, beliau tinggal di Hijjaz, Mekah dan Madinah untuk berguru.
- Setelah mendapat restu ibunya, beliau terus berkelana untuk berguru, dan hanya pulang ke Bukhara pada usia 60 tahun.
- Sepanjang tempoh 4-5 tahun berguru, nama beliau telahpun menjadi terkenal, sehingga sering tersebut-sebut bahawa ada manusia yang mempunyai daya ingatan yang tinggi bernama Abu Abdullah Muhammad bin Ismail itu.
- Abu Abdullah adalah nama daripada kurnia, iaitu anaknya bernama Abdullah.
- Beliau sendiri, ketika berguru di tanah Hijjaz dan beberapa kawasan lain, akhirnya semenjak usia awal 18 tahun lagi, telah menghasilkan dua karya agung utama, yang masih diguna pakai sehingga hari ini.
- Pertamanya, ialah kitab Tarikh al-Kabir, sebanyak 9 jilid yang menerangkan tentang senarai nama perawi-perawi yang pernah meriwayatkan hadis, daripada baginda sehinggalah ke zamannya.
- Bayangkan daripada beribu-ribu hadis yang ada pada hari ini, sebahagian besarnya nama perawi-perawinya telahpun direkodkan dalam kitab beliau itu semenjak beliau berusia 18 tahun lagi.
- Kitab ini pada hari ini dijadikan rujukan yang paling asal dan autentik tentang senarai nama perawi-perawi hadis.
- Satu kitab lain yang dihasilkan pada usia itu adalah tentang fekah-fekah para sahabat yang menunjukkan ketinggian ilmunya bukan sahaja dalam bidang hadis, tetapi juga dalam bidang fekah.
- Beliau juga pada usia matangnya mendalami ilmu aqidah dan ada melahirkan kitab yang diberi nama antara lain, tentang tindakan manusia adalah ciptaan Tuhan, yang antara lain merupakan ulasan dan komentarnya tentang makhluk atau tidak makhluknya al-Quran yang sebahagiannya juga merupakan respons terhadap pandangan atau ulasan Imam al-Zuhli, iaitu ulama besar di Bukhara pada ketika itu.
- Beliau sendiri, pada usia 20 tahun, pernah bertemu dengan Imam Ahmad Ibnu Hanbal secara yang lebih mendalam.
- Pernah pada satu ketika, para ulama yang mendengar tentang kehebatan Imam Bukhari mengingat sesuatu perkara, khususnya tentang senarai para perawi, cuba untuk menguji kesahihan dakwaan berkenaan.
- Oleh itu, dicatatkan 10 para ulama mengumpul 10 hadis masing-masing dengan perawi-perawinya untuk menguji Imam Bukhari di Masjid Besar atau Jami'ul Kabir di Baghdad.
- Ramailah orang yang datang, selain daripada murid-murid kepada guru-guru berkenaan.
- Bagi menguji kesahihan daya ingatan Imam Bukhari, para guru berkenaan menggunakan strategi untuk sengaja membacakan hadis yang sahih, tetapi diubah-ubah perawinya.
- Misalnya, katakanlah hadis tentang al-A'malu Binniyat diriwayatkan oleh A, B dan C, ditukarkan kepada B,C dan D.

- Oleh kerana ada 10 guru dengan 10 hadis, maka sebanyak 100 hadis dengan matan atau content hadis yang tidak pasti sahih atau tidak sahihnya, dan perawi yang tidak pasti benar urutannya atau tidak.
- Untuk catatan, bagi pengkaji hadis, sekiranya ada sesuatu hadis itu diriwayatkan oleh tiga kumpulan perawi yang berbeza, maka itu dikira sebagai tiga hadis yang berbeza.
- Contoh, sekiranya hadis tentang Innamal A'malu Binniyat ada diriwayatkan oleh tiga kumpulan, misalnya A, B dan C, D, E, dan F, serta G, H, dan I, maka ini dikira sebagai tiga hadis.
- Oleh itu, tentulah bagi menentukan kesahihan sesuatu hadis itu, perawi-perawinya bolehlah ditukar-tukar bagi memutar-belitkan daya ingatan bagi menguji Imam Bukhari itu.
- Apabila satu persatu hadis dibacakan kepada Imam Bukhari, maka dijawabkan hadis-hadis berkenaan tidak pernah didengari beliau.
- Amatlah pelik orang ramai dan murid-murid bahawa hadis yang sering didengari itupun tidak diketahui atau didengari oleh Imam Bukhari yang terkenal di Syam, Jazirah dan Khurasan itu.
- Setelah selesai keseluruhan hadis-hadis berkenaan dibaca, dan tidak ada satu pun hadis yang pernah didengar Imam Bukhari, maka beliau pun menerangkan apakah hadis sebenar yang ada dan mengapa hadis-hadis itu tidak pernah didengari beliau.
- Satu persatu beliau menyebut, misalnya, Innamal A'malu Binniyat, disebut oleh tuan guru, diriwayat oleh I, B, dan G, dan sebenarnya hadis berkenaan menurut Imam Bukhari, diriwayatkan oleh D, E, dan F.
- Perkara ini dihuraikan oleh Imam Bukhari satu persatu sehingga keseluruhan yang ada.
- Dengan perkataan lain, Imam Bukhari bukan sahaja mengetahui dan mengingat 100 hadis berkenaan, dan 100 perawi yang betul.
- Tetapi yang hebatnya ialah Imam Bukhari juga dapat mengingat perawi-perawi yang salah yang sengaja disebut oleh guru-guru yang ingin mengujinya.
- Tidaklah menghairankan sekiranya seorang ilmu hadis itu dapat menghafal hadis dan menghafal nama-nama perawinya, tetapi jika seseorang itu dapat mengetahui kesahihan dan ketidaksahihan hadis, serta urutan perawi-perawi yang dibelitkan kepada secara spontan dan pada jumlah yang banyak pula, ini menunjukkan keajaiban yang Allah SWT berikan kepada Imam Bukhari dari segi photographic memory itu.
- Daripada peristiwa inilah, Ibnu Hajjar yang terkenal sebagai komentator kepada Imam Bukhari, menceritakan kehebatan Imam Bukhari itu.
- Imam Bukhari terkenal dengan kitabnya Sahih Bukhari, yang mempunyai hadis-hadis sahih dan autentik melalui bukan sahaja pengetahuannya tetapi daya ingatannya yang tinggi itu.
- Pada masa akan datang, mungkin kita akan huraikan kitab itu, tetapi pada perkongsian ini kita akan menceritakan perkara lain tentang ketinggian ilmu serta ketelusan hati Imam Bukhari ini.
- Pernah satu ketika, beliau berlayar bagi tujuan berdagang, kerana menurut sesetengah catatan, selain daripada menceburi bidang keagamaan, beliau juga ada melibatkan diri dalam perniagaan secara sambilan.
- Satu ketika, ketika dalam pelayaran, beliau sedang berbual-bual dengan seorang kenalan, dan kenalan berkenaan mengetahui bahawa Imam Bukhari ada membawa wang sebanyak 10,000 dinar.
- Kenalan berkenaan kemudiannya memberitahu kapten bahawa beliau kehilangan 10,000 dinar, dan mahukan bantuan supaya dicari wang 10,000 dinarnya itu.

- Imam Bukhari mengetahui tentang rancangan kenalannya untuk mengambil wang-wangnya berkenaan, lalu secara senyap-senyap mencampakkan wang berkenaan ke dalam laut.
- Setelah usaha mencari dilakukan, dan wang berkenaan tidak ditemui, dan diketahui bahawa kenalannya membuat penipuan, lalu kenalan berkenaan berjumpa dengan Imam Bukhari untuk bertanya wang berkenaan.
- Katanya, “aku percaya engkau seorang Imam yang besar, dan engkau tidak akan berbohong, di manakah wang itu sebenarnya?”
- Lalu diberitahu bahawa telah dicampakkannya ke dalam laut.
- Kenalannya kemudian menjawab, “Kenapa dilakukan sedemikian itu, kerana jika aku tidak dapat pun engkau masih boleh menggunakannya?”
- Bagi Imam Bukhari, “Aku tidak mahu hadis Nabi Muhammad SAW ini tercemar, bukan sahaja disebabkan oleh kelemahanku, tetapi tuduhan buruk orang terhadapku, iaitu sebagai pencuri, meskipun aku tahu aku tidak mencuri.”
- Dengan perkataan lain, sebagai seorang perawi hadis, beliau tidak mahu dalam sejarahnya sebagai ilmuwan hadis, ada kes tuduhan mencuri keatasnya.
- Setelah lama berkelana menuntut dan juga mengajarkan ilmu, akhirnya beliau bercadang untuk pulang ke kampungnya, Bukhara.
- Ulama’ besar Bukhara, al-Zuhli, telah menyambut kepulangannya dengan perarakan, kerana yang pulang itu bukan calang-calang orang, tetapi Imam Besar.
- Imam Muslim yang pada ketika itu adalah murid Imam al-Zuhli, sangat gembira dengan kepulangan Imam Bukhari.
- Beliau antara lain menyebut, engkaulah Ustaz al-Ustazin, yakni guru dari sekalian guruguru.
- Dan engkaulah Tabib kepada kelemahan hadis, yakni doktor yang akan memperbaiki masalah-masalah dalam penyelewengan hadis.
- Setelah beberapa ketika pulang dan mengajarkan ilmu di Bukhara, maka semakin ramailah pelajarinya datang, termasuk Imam Muslim sendiri mula menjadi murid utamanya.
- Secara perlahan-lahan, murid Imam al-Zuhli semakin berkurangan.
- Apabila keadaan ini semakin berterusan, sebagaimana biasa, dan juga yang ada dicatatkan oleh Syaikh Yasir Qadhi, perasaan cemburu dikalangan ulama’ juga timbul apabila popularitinya semakin berkurangan.
- Wallahua’lam, kita tidak maksud menceritakan kelemahan ulama’ di sini, kerana setiap manusia diuji, kita menceritakan bagaimana ujian keatas Imam Bukhari dan Imam al-Zuhli, serta ujian juga ke atas diri kita sendiri ketika berkongsi ilmu ini.
- Suatu ketika, Imam Bukhari ditanyakan tentang kedudukan al-Quran yang merupakan kata-kata Allah, atau Kalamullah, sama ada ianya makhluk ataupun bukan makhluk, Ghairul Makhluk.
- Jika kita ambil al-Quran di depan mata kita sekarang, dan jika kita tanyakan soalan itu, apakah agaknya jawapan kita, kita nampak ada kertas, kita nampak ada dakwat, bukannya kertas dan dakwat itu makhluk.
- Untuk catatan, Ahli Sunnah wal Jamaah dan Mu’tazilah mempunyai pandangan berbeza mengenai perkara ini.
- Ahli Sunnah Wal Jamaah menganggapnya bukan makhluk manakala Mu’tazilah menyatakan ianya makhluk.
- Pada masa itu, isu ini dianggap sudah selesai iaitu bukan makhluk, mengikut Ahli Sunnah Wal Jamaah, namun pada zaman Imam Bukhari isu itu timbul lagi.

- Imam Bukhari, menurut Syeikh Yasir Qadhi, cuba memberikan perspektif ilmiah kepada murid-muridnya, iaitu, yang mana dikatakan bukan makhluk, dan yang mana dikatakan makhluk.
- Contohnya, kalau kita sebut, “Melayu Mudah Lupa”, siapakah yang menyebut perkataan itu?
- Ramai yang tahu itu disebut oleh Mahathir, perdana menteri Malaysia, tetapi bukannya kita yang menyebut Melayu Mudah Lupa itu tadi, bukannya Mahathir.
- Syeikh Yasir Qadhi memberikan contoh, “To be or not to be, that is the question”, siapakah yang menyebutnya?
- Tentulah kita akan mengatakan Shakespeare, tetapi sebenarnya yang menyebutnya itu tadi adalah Syeikh Yasir Qadhi.
- Begitulah yang cuba diterangkan Imam Bukhari, bahawa hakikat al-Quran itu adalah bukan makhluk, tetapi apa yang kita nampak dan mendengar itu adalah makhluk.
- Apabila Imam Bukhari menyebut al-Quran itu makhluk, isu ini menjadi besar bagi penduduk Bukhara.
- Imam Bukhari dituduh sesat, dan Imam al-Zuhli mula mendapat sokongan kembali daripada murid-muridnya dan popularitinya menjadi terkenal semula.
- Satu isu lain mengenai politik pula ialah, gabenor Bukhara yang pada ketika itu, bolehlah disebut sebagai raja, meminta Imam Bukhari pergi ke istana untuk mengajar puteranya.
- Setelah beberapa kali diarahkan, Imam Bukhari menolak, dengan mengatakan puteranya boleh sahaja hadir untuk menyertai halaqah atau perguruan yang diajarkannya.
- Beberapa kali diminta Imam Bukhari hadir, dan berkali-kali juga Imam Bukhari menolak, sehingga berlakulah pertelingkahan.
- Akhirnya, gabenor Bukhara tidak berpuas hati dengan Imam Bukhari, dan tidak suka beliau berada di Bukhara itu.
- Kontroversi agama dan politik ini telah menyebabkan kehidupan Imam Bukhari menjadi tertekan.
- Akhirnya, setelah selesai menamatkan Bulan Ramadhan pada 256 Hijrah, pada malam raya, beliau mengangkat kaki meninggalkan Bukhara, seraya berdoa kepada Allah SWT, yang antara lain isi kandungannya ialah, “Ya Allah, kehidupanku sudah semakin sempit ya Allah, sekiranya hidup itu baik untuk aku, maka engkau teruskanlah kehidupanku Ya Allah. Sekiranya kematian itu baik untuk aku, maka benarkanlah aku meninggalkan dunia ini, Ya Allah”.
- Beliau dicatatkan telah meninggal dunia ketika dalam perjalanan meninggalkan Kota Bukhara berkenaan.
- Beliau kemudiannya telah dikebumikan di Kota Bukhara itu sendiri, dengan meninggalkan legasi kitab Sahih Bukhari yang sangat terkemuka, di Wilayah Khurasan yang sekarang ini disebut Uzbekistan.




Di sinilah Imam besar ini dikebumikan. Wilayah Khurasan yang luas itu telah melahirkan tokoh besar ini, dan wilayah di mana Imam Bukhari dilahirkan dan dikebumikan pada hari ini, terletak berdekatan Samarkand, Uzbekistan. Sungguhpun beliau telah meninggal dunia pada 256 Hijrah, karyanya masih tetap dibaca lebih 1000 tahun sejak kematiannya, pada 1438 Hijrah sekarang, dan insyaAllah terus dibaca sehingga ke hari kiamat.

- Mudah-mudahan, kita sedikit sebanyak mengetahui tentang Imam Bukhari, insyaAllah kita mahu mengenal tentang hadis-hadis Imam Bukhari melalui kitab Sahih Bukharinya dan beberapa kitab-kitabnya yang lain.
- Beberapa gurunya, seperti Imam Ali al-Madini, Imam Ishaq Ibnu Rahawaih, Imam Yahya bin Ma'in, merupakan tokoh-tokoh utama mempengaruhinya, dan beliau mempunyai berpuluh-puluh ribu murid, dan Imam Muslim serta Imam al-Nasa'i merupakan murid langsungnya yang meneruskan legasi hadis sebagai satu daripada dua sumber yang perlu dipegang umat Islam, iaitu al-Quran dan Hadis.
- Wabillahi taufik wal hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, walhamdulillah rabbil alamin.

Perkongsian 4 - Kitab Sahih Bukhari dan Metodologi Kesahihan

Bismillahirrahmanirrahim

- Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana telah diberikan pelbagai nikmat dan kita patut juga bersyukur kerana Allah jugalah yang memberikan kekuatan kepada kita untuk bersyukur kepadaNya.
- Kita pernah mendengar daripada orang-orang alim tentang banyaknya kategori hadis dan secara amnya selain daripada hadis yang mutawattir, kebiasaannya hadis dibahagikan kepada lima kategori mengikut yang paling sahih dan yang paling tidak sahih.
- Untuk catatan, hadis mutawattir adalah hadis yang tidak dipertikaikan lagi kebenarannya sebagaimana al-Quran dan hanya ada 100 lebih sahaja hadis yang dikategorikan mutawattir itu tadi.
- Secara amnya, terdapat kira-kira 600,000 hadis yang boleh dihimpunkan dan darjah kesahihannya terbahagi kepada lima.
- Sahih (gred A), Hassan (gred B), Dhaif (gred C), Dhaif Jiddan (gred D) dan Maudhu' (direka-reka, E)
- Kategori A,B,C,D dan E hanyalah kod bagi memahaminya sahaja.
- Kita pernah membincangkan tentang kehebatan lelaki berminda *Photografic Memory* iaitu Muhammad bin Ismail bin Ibrahim atau yang lebih dikenali sebagai al-Bukhari.
- Beliau lahir pada 194 hijrah dan meninggal pada 256 hijrah di Bukhara atau Uzbekistan pada hari ini.
- Beliau terkenal kerana telah menghasilkan banyak kitab dan telah menulis dua kitab penting semenjak usia 18 tahun lagi iaitu mengenai Science of al-Rijal (ilmu tentang biografi perawi-perawi hadis) dan bukunya yang lagi satu pula tentang fiqah para sahabat.
- Pada zaman matangnya pula, beliau telah menghasilkan sebuah kitab yang masyhur sehingga ke hari ini dan insyaAllah sehingga ke hari kiamat, kitab yang dipanggil Kitab Sahih al-Bukhari.



Kehebatan Imam Bukhari, sebagaimana karyanya dalam Sahih Bukhari, bukan sahaja terletak kepada darjat kesahihan hadis yang dipilih, tetapi skop yang diliputi adalah menyeluruh (Jaami'). Aspek perawi yang dipilih sangat ketat (musnad), dan ianya padat dan ringkas (Mukhtasar). Kita mungkin telah membaca kitab Hadis 40 yang masyhur tulisan Imam Nawawi. Kedua-dua kitab ini merupakan kitab yang agung dan perlu dibaca, meskipun kitab Hadis 40 tidak memiliki ciri-ciri Sahih Bukhari itu, Wallahua'lam.

- Beliau sendiri menamakan kitabnya, menurut Ibnu Sallah dan Ibnu Hajar, sebagai *al-Jaami' al-Sahih al-Musnad al-Mukhtasar min Umuri Rasooli-llahi wa sunanihi wa Ayyaamihi*.
- Pada zaman sebelum Bukhari, tidak ada kitab yang mempunyai empat karakteristik di atas, al-Jamek (comprehensive/lengkap), al-Musnad (yang memperincikan sanad atau rangkaian perawinya), al-Sahih (tulen kandungan atau matannya) dan al-Mukhtasar (ringkas atau padat).
- Sungguhpun ada kitab seperti al-Muattaq Imam Malik, kitab ini lebih menumpukan kepada aspek fiqah dan hadis.
- Imam Ahmad Ibnu Hambal pula hanya mempunyai himpunan hadis pelbagai aspek sebanyak 45,000.
- Kitab 40 hadis Rahih as-Saliqin* memaparkan hadis tanpa menekankan aspek sanadnya.
- Kitab Sahih Bukhari yang ada di edaran Asia Tenggara seluas kira-kira 1118 halaman adalah ringkasan daripada kitab al-Bukhari itu.
- Sebab itulah kita tidak dapat melihat beberapa isi asal, misalnya senarai perawi.
- Justeru itu, mungkin kita tidak dapat memahami minda Imam Bukhari dengan lebih tepat.

- Sebagai contoh, hadis pertama adalah hadis yang diriwayatkan oleh Umar al-Khattab tentang Innamal a'malu binnyat dan dalam kitab ini tidak ada bab tentang pengenalan sebagai kitab hadis yang lain.
- Sungguhpun Imam Bukhari mempunyai hadis sebanyak 21 yang perawinya antara Nabi Muhammad dan beliau hanya seramai 3 orang, namun dalam hadis yang pertama ini beliau merujuk kepada perawi seramai 6 orang.
- Uniknyanya, menurut Shaykh Yasir Qadhi, salah seorang profesor ilmu aqidah di Amerika Syarikat, beliau (Imam Bukhari) menggunakan hadis pertama ini sebagai pendahuluan kitabnya dengan memastikan perawinya bukan sahaja berkaliber, yakni diketahui darjah ilmu dan kewarakkannya, tetapi juga dari kalangan orang Mekah sahaja dan dari Bani Quraisy (sebagaimana Nabi Muhammad SAW) sahaja.
- Hadis yang kedua pula, sebagaimana yang diriwayatkan oleh Sayyidatina Aisyah, iaitu hadis tentang bagaimana baginda menerima wahyu, dirawikan oleh individu yang berkaliber daripada Madinah di kalangan orang-orang Ansar sahaja.
- Demikian itu, untuk memahami kitab Sahih Bukhari ini tidak memadai dengan memahami hadisnya sahaja, tetapi methodologi yang digunakan untuk memilih hadis atau menentukan hadis yang sahih serta bagaimana hadis itu dipersembahkan dalam kitab berkenaan.
- Kitab ini dipanggil al-Jamek, lengkap, kerana ianya bukan sahaja tentang perihal hadis, yakni pertuturan, tingkah laku, penampilan, masa dan tempat Nabi Muhammad, tetapi juga lengkap kerana ada perbincangan aqidah, fiqah, sejarah, serta aspek psikologi dan aspek sosiologi bagi sesiapa yang ingin mendalaminya.
- Terdapat 97 buku atau bab yang sesetengah cetakan ada menggabungkan bab-bab tertentu, misalnya bab pernikahan dan perceraian.
- Justeru, ianya akan kurang daripada 97.
- Ertinya di sini, syarat pertama yang ditentukan oleh Bukhari ialah kandungan kita ini wajarlah lengkap mengenai semua perkara.
- Syarat yang seterusnya, setiap hadis mesti mempunyai perawi yang dalam kitab beliau secara puratanya 5, meskipun seperti yang disebut tadi, hadis pertamanya mempunyai seramai 6 perawi.
- Syarat yang ketiga pula, ianya mestilah sahih, dengan erti kata memastikan kandungan atau matannya sahih dan hanya perawi yang dikenal pasti gred A dan beliau sendiri dapat menghuraikan latar belakang ataupun biografi setiap perawi berkenaan sahaja yang dimasukkan.
- Ini dapat dilakukan oleh beliau kerana semenjak usia 18 tahun lagi beliau telah menulis buku tentang biografi perawi sebanyak 9 jilid.
- Buku ini menjadi rujukan sehingga hari ini.
- Kitab ini al-Mukhtasar, ringkas ataupun padat, kerana daripada 600,000 hadis yang disemak oleh al-Bukhari, hanya 7563 sahaja yang dimasukkan di dalam hadis sahihnya.
- Mungkin kita juga ingin tahu apakah motivasi awal yang membolehkan ilham untuk menulis kitab sahih ini.
- Sebagaimana yang kita ketahui, semenjak usia 10-11 tahun lagi, Imam Bukhari telah dapat mengesan adanya kesilapan guru-gurunya ketika menyebut turutan para perawi hadis.
- Faktor ini, disamping mendorong beliau menulis kitab biografi perawi, ianya sekaligus juga membuka mata Imam Bukhari untuk kemudiannya menghasilkan kitab yang tepat turutan sanadnya.
- Namun begitu, ada dua faktor yang sering disebut telah mendorong beliau.

- Pertamanya, mengenai mimpi beliau semasa kecil, berdiri di hadapan nabi, dan membantu menghalau lalat yang berterbangan di hadapan muka nabi.
 - Apabila mimpi ini diceritakan pada gurunya, gurunya memberitahu bahawa beliau akan membersihkan hadis-hadis nabi daripada pencemaran, penyelewengan, dan salah penyampaian.
 - Satu perkara lagi, pernah satu ketika gurunya yang hebat, iaitu Ishak Ibnu Rahwih pernah menyebut bahawa sangat ada keperluan supaya segala masalah ketidaktepatan hadis diselesaikan, dan satu kitab yang sahih tentang hadis, perlu dilakukan.
 - Ertinya, gurunya telah dapat melihat betapa pentingnya kitab sahih, dan Imam Bukhari lah yang telah melakukan projek kitab Sahih Bukhari, dengan metodologi inclusion dan exclusion, iaitu apakah yang patut dimasukkan, dan apakah yang patut dikeluarkan dalam sebuah kitab hadis yang sahih.
 - Beberapa perkara berikut perlu diterangkan bagi sesiapa yang hendak menggunakan kitab Sahih Bukhari ini.
1. Setiap tajuk bab perlulah dibaca berulang kali kerana matan atau perbincangan hadis itu berada pada tajuknya. Para pengkaji hadis sering menggunakan idiom, iaitu Fiqul Bukhari fi al-Tarajuhi yang bermaksud fiqah atau maksud hadis Bukhari berada pada tajuknya.
 2. Selain daripada 7563 hadis yang sahih, terdapat beberapa hadis lain, atau kata-kata para sahabat yang dirujuk oleh Bukhari ketika menerangkan hadisnya. Hadis ini dipanggil *muallaqat* (tergantung). Hadis ini tidak mempunyai sanad yang jelas dan tidak dapat dipastikan gred A kesahihannya. Justeru itu, hadis ini tidak boleh dirujuk sebagai 7563 hadis sahih Imam Bukhari.
 3. Bukan semua hadis sahih gred A dimasukkan ke dalam kitabnya kerana beliau mahu memastikan ciri-ciri al-Mukhtasar, ringkas dan padat ini dikekalkan. Maka kita tidak boleh mengatakan bahawa jika hadis itu tidak ada di dalam kitab Sahih Bukhari, maka ianya tidak sahih.
 4. Imam Bukhari akan menggunakan hadis yang sama beberapa kali, secara purata, 3-4 kali. Sebahagiannya berbeza sanad bagi menerangkan topik-topik yang berbeza. Ibnu Hajar, pengkaji hadis Imam Bukhari yang terkemuka ada menyebut daripada 7563 hadis itu, 2602 diulang dan 159 muallaqat, wallahua'lam
 5. Kitab ini lebih sesuai dijadikan rujukan untuk pengkaji hadis daripada sebagai bacaan awam kerana kitab Imam Muslim dipersembahkan mengikut topik-topik, dan keseluruhan hadis yang berkaitan diletakkan di bawah satu topik, berbeza dengan kaedah Imam Bukhari.
- Soalnya, adakah kita pada hari ini perlu belajar daripada guru, atau mesti mempunyai sanad juga yang terus sampai ke Nabi Muhammad SAW.
 - Para imam besar seperti Ali al-Madini yang juga guru Imam Bukhari, pernah menyebut salah satu kehebatan agama Islam ini, adalah kerana adanya kaedah sanad dan ini penting bagi memastikan authenticity kitab rujukan Islam.



Di masjid inilah dahulunya para sahabat mencatatkan hadis. Abu Hurairah, misalnya, merupakan ahli suffah, iaitu individu yang sebahagian besar masanya digunakan untuk sentiasa berada di masjid. Maka tidak hairanlah beliau dapat meriwayatkan beribu-ribu hadis, meskipun hanya memeluk Islam pada tahun 7 Hijrah, selepas Perang Khaibar. Di Kolej Hadis Madinah pula pada hari ini, menjadi pusat pendidikan hadis yang terkemuka di dunia, yang mana kitab Sahih Bukhari menjadi sumber rujukan utama kolej berkenaan.

- Untuk satu catatan, terdapat satu sistem yang disebut sebagai nodes, iaitu setiap satu gugusan wilayah ada satu pusat tumpuan.
- Misalnya di Afrika, timur tengah, India, Indo-pakistan dan Asia Tenggara.
- Di Timur Tengah, individu yang menjadi pusat tumpuan yang terkemuka adalah Muhammad Ali al-Shauqani, ulama' besar daripada Yaman yang meninggal dunia kira-kira 100 tahun yang lalu.
- Di India pula, Syeikh Waliyullah al-Dehlawi yang telah meninggal dunia lebih awal sedikit daripada al-Shauqani.
- Kedua-dua tokoh besar ini mempunyai sanad yang terus kepada Imam Bukhari, dan kepada Nabi Muhammad SAW.
- Secara umumnya, ulama yang ada pada hari ini melalui 25 generasi bersanad sehingga sampai ke Nabi Muhammad SAW.
- Siapa yang dapat mengambil ijazah daripada Syeikh Wafar Hassan Abdurrahman, ulama besar daripada Indopakistan, yang pernah mengajar di Universiti Madinah, maka mereka mempunyai sanad yang rapat dengan Imam Bukhari, kira-kira 16 generasi.
- Syeikh Yasir Qadhi misalnya, pernah mendapat ijazah daripada beliau, dan sekiranya kita mengambil kira 21 hadis Imam Bukhari yang mempunyai 3 perawi, maka jarak antara Syeikh Yasir Qadhi dan Nabi Muhammad SAW adalah sebanyak 20 perawi.
- Untuk catatan, bidang pengajian hadis di Universiti Madinah, iaitu di kolej hadis, merupakan satu-satunya institusi yang paling tinggi kedudukannya di dunia.
- Di sinilah ulama-ulama besar tahun 80-an dan 70-an seperti Syeikh Ibnu Bas, Syeikh Khutaimi serta Syeikh Al-Bani mencurahkan ilmunya.
- Di kolej inilah karya-karya 6 pakar hadis, iaitu Imam Bukhari, Imam Muslim, Daud, Ramizi, Nasa'i, dan Ibnu Majah diajar.
- Keseluruhannya sehingga hari ini, tidak ada sesiapa pun yang dapat menyanggah kesahihan hadis Imam Bukhari, meskipun tokoh-tokoh besar seperti Darul Husni yang meninggal dunia pada 358 Hijrah, dan ulama kontemporer Syeikh al-Bani, pernah cuba menunjukkan beberapa hadis yang mungkin tidak sampai ke tahap sahih, namun masih berada di tahap Hasan, wallahua'lam.
- Jika ada individu yang mempertikaikan Imam Bukhari besar kemungkinan individu berkenaan tidak memahami beberapa terperinci metodologi yang digunakan oleh

beliau, atau mungkin tidak faham adanya konsep hadis muallakat, yang dibincang tadi, atau tidak mendapat cahaya hidayah daripada Allah SWT.


- Mudah-mudahan kita diberi kekuatan oleh Allah SWT untuk membaca dan memahami hadis-hadis tinggalan nabi, dan insyaAllah mudah-mudahan setiap rumah ada kitab Sahih Bukhari, dan ada salah satu daripada kitab hadis yang lain untuk bacaan awam, misalnya hadis Imam Muslim.
- Lagipun, ada banyak hadis yang dikategorikan sebagai Mutafakkawun Alaih, iaitu disepakati antara Imam Bukhari dan Imam Muslim.
- Wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, walhamdulillahirabbil alamin.

Perkongsian 5 - Perang Jamal dan Siffin: Sayidatina Aisyah, Saidina Ali dan Muawiyah

Bismillahirrahmanirrahim

- Bersyukur kepada Allah kerana masih diberi kekuatan untuk perkongsian kali ini dan peristiwa yang hendak kita kongsi agak kontroversi sifatnya.
- Seeloknya kita cuba tidak menyebut nama secara peribadi untuk mengelakkan daripada menceritakan keburukan orang lain, lebih-lebih lagi yang hendak diceritakan itu berkait rapat dengan Nabi Muhammad SAW.
- Namun begitu, sekiranya manfaatnya lebih daripada mudharatnya, mudah-mudahan kita usahakan juga untuk membincangkannya.
- Apabila Saiyidina Uthman mati dibunuh oleh pemberontak yang sebahagiannya datang daripada Mesir dan sebahagiannya lagi dari Iraq, maka usaha dilakukan untuk melantik Khalifah baru.
- Perang Jamal dan Siffin berlaku di zaman kekhalifahan Ali dan perang ini melibatkan para sahabat dan umat Islam yang menyebabkan kematian,
- Menurut satu catatan Ibnu Kathir, 10,000 dalam Perang Jamal dan 60,000 dalam Perang Siffin,
- Ibn Umar yang didatangi oleh sahabat-sahabat untuk tujuan menggantikan Uthman telah menolak jawatan khalifah dan sebahagian sahabat yang lain meminta Saiyidina Ali untuk menggantikannya.
- Apabila Ali dilantik, keseluruhan para sahabat memberi bai'ah di masjid nabi dan sebahagiannya melalui wakil-wakilnya kemudian.
- Muawiyah diketahui tidak mahu berbai'ah melainkan setelah Saiyidina Ali menghukum pemberontak, khususnya individu yang membunuh Uthman.
- Uthman dan Muawiyah adalah dari satu rumpun iaitu Bani Umaiyah.
- Sebagai individu senior, beliau merasa bertanggungjawab untuk memastikan kematian Uthman dibela.
- Saiyidina Ali menyusun strategi pemerintahan dengan melantik pegawai-pegawai baru.
- Gabenor baharu dihantar untuk menggantikan Mu'awiyah di Damsyik.
- Muawiyah enggan berundur lalu Saiyidina Ali mahu mengambil tindakan keras terhadapnya.
- Namun begitu, rancangan ini tertangguh kerana di Madinah dan Mekah, para sahabat termasuk isteri nabi, Sayidatina Aisyah yang berada di Mekah kemudiannya meminta Ali untuk segera mengambil tindakan menghukum pemberontak.
- Perlulah dicatatkan di sini bahawa pada masa inilah pelbagai laporan dan cerita tentang sebab tindakan para sahabat untuk mengambil keputusan berperang dicatat oleh pelbagai pihak.
- Catatan yang paling popular datangnya dari Abu Mikhnaf, Lut Ibn Yahya yang menurut Imam Bukhari, Darul Husni serta ramai imam besar yang lain tidak mempunyai autoriti dalam penulisan sejarah Islam.
- Beliau telah menulis pelbagai karya seperti Perang Jamal, Perang Siffin, pembunuhan Ali, pembunuhan Husin dan lain-lain.
- Karyanya menjadi sumber rujukan penting golongan Syiah.
- Malah, beberapa peristiwa penting yang kita ketahui daripada perang ini, misalnya tentang Majlis Tahkim yang melibatkan Amru al Asr di pihak Muawiyah dan Abu Musa al Asha'ari di pihak Ali datangnya dari Abu Mikhnaf ini.

- Beliau hidup hampir sezaman dengan Ibn Ishak, meninggal dunia pada 157 dan Ibn Ishak pada 150.
- Imam besar seperti Imam Hanafi yang meninggal pada 150 serta Ibn Ishak sendiri tidak banyak mencatatkan peristiwa ini kerana mereka lebih minat untuk memahami tentang Rasulullah SAW.
- Kembali kepada para sahabat dan isteri nabi, Saiyidatina Aisyah dan sahabat Talhah dan Zubair yang mula tidak rasa senang dengan tindakan Ali yang tidak pantas menyelesaikan masalah pemberontakan berkenaan.
- Catatan menyebut bahawa Saiyidina Ali yang baru menjadi khalifah tidak mempunyai kekuatan ketenteraan, tidak juga mahu melakukan penangkapan dan pembunuhan yang melibatkan ramai umat Islam.
- Ada catatan juga yang menyebut bahawa perang saudara akan menyebabkan kuasa Rom mudah menyerang balas pemerintahan Islam.
- Oleh kerana ada dakwaan yang menyebut bahawa kumpulan yang membunuh Uthman sebahagiannya berada di Basrah, dan di Basrah itu juga ada kekuatan ketenteraan Islam yang pernah dibangunkan pada zaman Umar, rombongan para sahabat dan Aisyah seramai 600 orang bergerak ke Basrah untuk mengumpul strategi sekaligus mendesak atau juga membantu Ali untuk menyelesaikan masalah pemberontakan berkenaan. Strategi ini juga menurut catatan sekiranya berjaya akan dapat menyelesaikan kekusutan antara Muawiyah dan Ali yang hanya berjanji akan memberi Baiah kepada Ali sekiranya isu ini dapat diselesaikan.
- Daripada seramai 600 orang, rombongan ini mendapat sokongan dan apabila hampir sampai ke Basrah, jumlahnya telah menjadi kira-kira 30,000 orang.
- Terdapat perbalahan kecil di Basrah, namun gabenor di Basrah meminta Ali sendiri untuk ke Basrah untuk menyelesaikan isu yang diketengahkan oleh rombongan yang dipimpin oleh Saiyidatina Aisyah yang menaiki unta berhowdah.
- Howdah adalah hijab yang diwajibkan bagi semua isteri untuk mengelakkan mahram melihatnya.
- Oleh kerana unta berhowdah ini menjadi tumpuan, perang ini dipanggil perang Jamal (perang unta).



Tidak ada niat sebenarnya kepada isteri nabi, Sayidatina Aisyah RA dan menantu baginda, Sayidina Ali RA, untuk berperang dan berbunuh-bunuhan, melainkan angkara muslihat golongan pemberontak yang tidak puas hati dengan pemerintahan khalifah sebelumnya, iaitu Sayidina Uthman RA yang beberapa peristiwa selepas itu. Sebagaimana yang ada dicatatkan, masing-masing Sayidina Ali RA dan Sayidatina Aisyah RA berdoa agar masing-masingnya diberikan keampunan dari Allah SWT. Sewajarnya kita sentiasa menyanjung tinggi orang-orang yang berada bersama baginda, apatah lagi orang itu isteri dan menantunya sendiri.

- Menurut sebagaimana yang ada dicatatkan, akidah Syiah akan menghukum seseorang itu kafir sekiranya mereka menentang Ali.
- Oleh itu, tidak hairanlah para sahabat yang kita tahu di kalangan Ahlus Sunnah yang dijanjikan syurga seperti Talhah dan Zubair ini telah dihukumkan kafir kerana dikatakan ada rancangan untuk menentang Ali.
- Wakil Ali iaitu Ka'ka' yang pernah memimpin bala tentera Islam semasa perang Qadasiyah telah berjaya mendapatkan jalan perdamaian apabila berbincang dengan wakil Aisyah iaitu Talhah dan Zubair yang mana Ali bersetuju untuk menyelesaikan isu pemberontakan dan mengambil tindakan terhadap individu yang membunuh Uthman itu.
- Keputusan ini sememangnya tidak dipersetujui oleh pemberontak dan sebagaimana yang telah banyak dicatatkan bahawa pada malam harinya, seramai kira-kira 2000 orang pemberontak berpecah berpura-pura untuk menyebelahi sebahagian ALi dan sebahagian Aisyah lalu melancarkan serangan hendap.
- Kedua-dua kumpulan menuduh pihak yang lagi satu telah mengkhianati perjanjian lalu peperangan pun berlaku, berterusan sehinggalah sehari suntuk lamanya.
- Talhah yang menaiki kuda ke kawasan perang untuk mengarahkan supaya dihentikan kerana sesuatu yang tidak kena telah terjadi telahpun dipanah di bahagian pinggangnya lalu meninggal dunia.
- Hassan dan Ali pernah mencatatkan beliau mencari bapanya pada ketika itu dan mendapati Ali sedang menangis dan memberitahu kalau boleh Allah telah mengambil nyawanya 20 tahun yang lalu.
- Pada malam harinya pula, Zubair ibn al Awwam telah mati dibunuh ketika solat.
- Saiyidina Ali dan Saiyidatina Aisyah yang masing-masingnya menyesal kerana berlaku kematian besar terhadap umat Islam ini masing-masing berdoa kepada Allah SWT untuk memohon kemaafan dan Saiyidatina Aisyah diberikan penghormatan untuk pulang sehinggakan Hussin dan Hassan sendiri diarahkan menghantarkannya dan delegasi berkenaan dipimpin Muhammad bin Abu Bakr, anak tiri Aisyah.
- Terdapat beberapa hadis yang berkaitan dengan Perang Jamal ini. Misalnya ketika melalui ke kawasan oasis, Aisyah terdengar salakan anjing dan memberitahu bahawa nabi pernah bersabda yang ada kena mengena dengan salakan anjing di hau'ab (kawasan beroasis) itu.
- Ada hadis yang menyebut tentang akan berlaku perbalahan antara Ali dan Aisyah, dan Ali ketika itu mengakui dirinyalah yang akan bersalah pada masa itu. Namun ditempelak oleh Nabi kerana bukan itu maksud baginda.
- Ada hadis yang menyebut bahawa akan ada pertelingkahan antara Zubair dan Ali, dan Zubair dikatakan yang bersalah. Wallahua'lam dan banyak lagi.
- Setelah selesai isu Perang Jamal, pada tahun 36 Hijrah, Saiyidina Ali bersama seramai 100000 tentera menurut catatan Ibn Kathir bergerak ke Damsyik untuk berdepan dengan Muawiyah.
- Pada bulan Zulhijjah, pasukan ini sampai di Siffin dan mereka mengadakan perbincangan demi perbincangan yang mengambil masa 7-8 minggu.
- Muawiyah memanglah termasuk dalam golongan para sahabat kerana pernah berjumpa dengan Nabi dan telah memeluk Islam pada era pembukaan kota Mekah.
- Kumpulan yang memeluk Islam selepas pembukaan kota Mekah tidaklah sama kedudukannya dengan para sahabat senior, termasuk juga para sahabat yang memeluk Islam sebelum pembukaan kota Mekah.
- Jika kita masih ingat, Muawiyahlah yang menjadi setiausaha ketika perbincangan nabi dengan Raja Ghasnavid sewaktu peperangan Tabuk dan Muawiyahlah yang menghantar pulang Raja Yaman pada usia hampir 20 tahun lagi.

- Ada catatan yang menyebut bahawa Muawiyah lebih disukai oleh Nabi berbanding dengan Abu Sufyan, bapanya, dan abangnya Yazid lebih disukai dari Muawiyah.
- Muawiyah telah dilantik menjadi gabenor Damsyik, Syam pada usia muda menggantikan abangnya, Yazid yang telah meninggal dunia.
- Menyedari kedudukan Muawiyah dalam keadaan yang bahaya kerana didatangi 100,000 orang tentera Ali dan mengingatkan keadaan Uthman yang juga dalam keadaan bahaya sebelum wafat, Muawiyah mengambil langkah untuk menyerang pasukan Ali apabila perwakilan gagal untuk mencapai kata perdamaian.
- Sebelum ini, Muawiyah telah meniupkan sentimen pembelaan kematian Saiyidina Uthman dengan meletakkan pakaian berdarah Uthman serta jari isterinya, Nailah yang terputus ke kawasan masjid untuk ditonton oleh umat Islam.
- Para sahabat sesetengahnya datang untuk menemui Muawiyah, misalnya Abu Hurairah untuk menasihatkannya supaya tidak melawan khalifah yang dilantik.
- Namun, nasihat berkenaan tidak diterima dengan baik.
- Akhirnya, peperangan berlaku untuk tempoh kira-kira 5 hari yang telah menjurus kepada kematian kira-kira 60,000 umat Islam, 40.000 di pihak Ali dan 20,000 di pihak Muawiyah.
- Sebahagian besar para sahabat tidak mahu terlibat dalam peperangan ini.
- Muhammad Ibn Sirin, para tabieen yang terkenal dengan ilmu mentakwil mimpi pernah menyebut ada kira-kira 1000 para sahabat pada ketika itu, hanya 100 yang mungkin terlibat dan mungkin 30 sahaja yang mengangkat pedang.
- Semasa perang itu, sembahyang 5 waktu dan sembahyang jenazah didirikan dan kedua-dua pihak bersetuju berhenti perang apabila masuk waktu solat.
- Muawiyah yang melihat kematian demi kematian telah mengarahkan supaya sebahagian Quran (dalam bentuk tulisan-tulisan di atas kulit binatang) diangkat sebagai tanda kembali kepada Quran sebagai cara penyelesaian.
- Kemudian Majlis Tahkim telah diadakan dan sahabat besar Amru al Asr yang memeluk Islam pada 7 Hijrah, sebelum pembukaan Kota Mekah mewakili Muawiyah dan Ali diwakili oleh Abu Musa al Asha'ari.
- Berdasarkan catatan Abu Mikhnaf yang kemudiannya menjadi sumber rujukan orang Syiah, Amru al Asr diberi watak licik dan Abu Musa al Ashaari diberi watak baik dan warak bagi menggambarkan kejahatan Muawiyah dan orang-orangnya yang kemudiannya dituduh oleh orang-orang Syiah sebagai Kafir.
- Satu peristiwa penting dalam peperangan Siffin ini adalah mengenai watak Amar bin Yasir.
- Sebagaimana yang telah kita ketahui, lelaki yang pertama Syahid di dalam Islam ialah bapanya, Yasir dan perempuan pula ibunya, Sumaiyyah yang dibunuh pada zaman Mekah.
- Amar sendiri pernah tidak sengaja melafazkan kata-kata kufur ketika diseksa.
- Namun, ketika berjumpa dengan Nabi dan mengadu tentang hal berkenaan, Nabi menanyakan tentang bagaimana hatimu semasa perkara tersebut berlaku.
- Sebagaimana yang ada di dalam surah Al Nisa, sekiranya hati masih tetap beriman, dan terpaksa sehingga berdepan dengan maut, maka bibir boleh berkata lain.
- Kisah Amar penting semasa peristiwa Siffin ini kerana nabi pernah bersabda dan hadis ini mutawattir yakni tiada siapa pun yang boleh mempertikaikannya yang mana Amar akan mati dibunuh oleh pemberontak (al Baghi).
- Setengah catatan menyebut Nabi menyebutnya ketika pembinaan masjid nabi di madinah dan sesetengahnya ketika penggalian parit perang Khandak.
- Amar menyebut bahawa Nabi pernah memberitahunya bahawa engkau akan meminum susu sebelum masa matimu.

- Ketika hari ketiga atau keempat perang Siffin itu, Amar yang menggunakan tombak yang sama yang digunakan semasa perang perang sebelumnya meminta untuk meminum susu kerana merasakan dirinya akan mati ketika peristiwa tersebut berlaku.
- Saiyidina Ali mengambil mayatnya dan menyembahyangkannya.
- Muawiyah diberitahu tentang kematian Amar ini dan semua sahabat tahu tentang hadis mutawattir itu.
- Namun Muawiyah menjawab bahawa orang yang membawanya ke dalam perang harus dipersalahkan.
- Para ulama termasuk Ibn Kathir dikatakan tidak bersetuju dengan pemahaman Muawiyah seumpama itu. Wallahua'lam.
- Beberapa hadis penting yang berkaitan dengan Perang Siffin pula termasuklah apabila berlakunya pertempuran sesama Islam, maka pertempuran sesama Islam akan terus berlaku sehinggalah hari Kiamat.
-



Di wilayah Siffin inilah pada tahun 36 Hijrah CHECK, pertama kalinya dalam sejarah Islam, rancangan untuk mengadakan peperangan sesama Islam telah dibuat antara Sayidina Ali RA dan Muawiyah bin Abu Sufian. Akibatnya, catatan ada menyebut, sekurang-kurangnya 60,000 umat Islam terbunuh, tidak termasuk 10,000 yang terbunuh dalam Perang Jamal sebelumnya. Tiga para sahabat besar, iaitu Ibnu Umar, Ibnu Abbas, dan Ibnu Zubair mengambil pendekatan berkecuali, dan menurut Ibnu Taymiyyah, Muawiyah berada pada posisi yang benar, tetapi Ali lebih benar daripada Muawiyah. Posisi ketiga-tiga para sahabat insyaAllah keputusan yang lebih benar daripada keputusan kedua-dua pihak ini.

- Muawiyah mempunyai sokongan yang kuat, lebih-lebih lagi Damsyik telah mempunyai kemajuan dan tamadunya yang tersendiri.
- Muawiyah mempunyai rekod pemerintahan yang berkesan dan banyak sahabat besar seperti Muaz bin Jabbal, Ubaidullah Ibn Sami' dan Abu Darda' berada di Damsyik.
- Ibn Abbas juga pernah dicatatkan berada di sana dan kesemuanya ini memberikan kekuatan dan barakah kepada Damsyik.
- Sebagaimana yang telah kita ketahui, kumpulan yang tidak berpuas hati dengan Muawiyah dan Ali yang disebut sebagai Khawarij telah merancang untuk membunuh semua yang terlibat dalam perang.
- Namun begitu, sebagaimana yang telah kita ketahui, sementara yang lainnya terselamat, Ali telahpun terbunuh pada 40 Hijrah. Wallahua'lam.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

- Mungkin yang perlu kita pelajari di sini ialah tentang pendirian 3 orang sahabat sebagaimana yang telah dibincangkan oleh Ibn Taimiyah iaitu Abdullah Ibn Umar, Abdullah Ibn Abbas, serta Abdullah Ibn Zubair yang bersifat neutral dan tidak mahu melibatkan diri dalam isu-siu politik sebagaimana yang lebih tepat keputusannya untuk mengelakkan diri daripada peperangan.
- Dalam konteks sekarang, mungkin iktibar yang boleh kita ambil ialah sekiranya ada perbalahan sesama Islam, eloklah kita tidak menyebelahi mana-mana tetapi bersifat berkecuali demi kebaikan Islam. Wallahualam.
- Wabilahitaufiq walhidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabaraakatuh.

Perkongsian 6 - Gurauan dan Jenaka Sebagai Satu Sunnah

Bismillahirrahmanirrahim

- Allahumma Salli ala sayyidina muhammad wa ala alihi sayyidina muhammad.
- Wa ala alihi wasahbihi wasallam
- Pada perkongsian kali ini, kita hendak membincangkan sesuatu perkara yang mungkin agak santai, tetapi kepentingannya dalam Islam tidak dapat dinafikan.
- Ini kerana ianya merupakan sebahagian daripada sunnah Rasulullah SAW, iaitu gurauan dan jenaka dalam Islam.
- Pernah satu ketika, nabi menyuruh Abu Hurairah untuk mencatatkan apa sahaja yang disampaikan oleh baginda, dan Abu Hurairah bertanya, “adakah perkara dan gurauan daripada mu Ya Rasulullah, perlu aku catatkan, kerana engkau banyak bergurau.”
- Nabi antara lain menunjukkan lidahnya, dan menyebut, kesemua yang keluar daripada lidah ini datangnya daripada Allah SWT, wallahua'lam.
- Sebenarnya, terdapat banyak gurauan yang pernah dibuat oleh baginda, namun jika kita perhatikan, matlamat akhir gurauan berkenaan adalah bertujuan bagi merapatkan ukhwah, menghilangkan rasa malu orang lain, disamping menimbulkan rasa kegembiraan.
- Sebagai contoh, pada satu ketika, datang seorang wanita tua memohon supaya baginda mendoakannya untuk masuk syurga.
- Maka antara lain, baginda menyebut, tidakkah engkau tahu atau tidakkah ada orang yang mengajarmu tentang orang tua tidak dimasukkan ke dalam syurga.
- Wanita berkenaan bersedih, sambil terpinga-pinga, lalu diberitahu baginda bahawa bukankah semua yang masuk ke syurga itu masuk dalam keadaan muda dan cantik dan jelita?
- Dan insyaAllah engkau adalah salah seorang penghuninya.
- Nabi tentu sahaja boleh menjawab soalan berkenaan secara direct, namun tidak ada kesan emosi tidak dapat meningkatkan ukhwah, dan tidak menambah keceriaan yang sedia ada.
- Oleh itu, jenaka atau gurauan tentu sahaja boleh dilakukan sebagaimana yang ditunjukkan oleh baginda itu.
- Pernah satu ketika, Anas Ibnu Malik yang baru berusia 7-8 tahun pernah dititipkan oleh ibunya kepada baginda untuk dijaga, dan terlalu banyak sangat bermain.
- Baginda kemudiannya memanggil, wahai budak yang ada dua telinga, dengar dan taat apa yang hendak aku arahkan.
- Ertinya, nabi cuba memberi nasihat sambil bergurau pada Anas yang masih kecil lagi.
- Malah satu ketika, adik kepada Anas, yang baru berusia 4-5 tahun, kematian burung yang disebut Nughair yang dibelanya kerana sakit.
- Untuk mengelakkan kesedihan adik Anas, baginda ketika bersama-sama dengan Abu Bakar dan Umar, memanggil anak kecil ini dengan kurnia yang tinggi, yang biasanya diberikan kepada orang dewasa sahaja, dengan bertanya, wahai Abu Umair, apa jadi dengan engkau punya Nughair (burung) itu tadi?
- Ekspresi ini disampaikan dalam bahasa arab, mungkin dalam konteks kita, mungkin kita tanya benda kecil dengan memanggilnya, hai boss, kenapa dengan burung engkau itu?
- Panggilan sedemikian akan menghilangkan kedukacitaan kanak-kanak berkenaan, yang terasa dirinya dihargai orang lain, apatah lagi baginda.
- Ada seorang sahabat nabi dari kalangan orang badwi, yang bernama Zahir.
- Beliau sering memberikan hadiah kepada baginda.
- Sesetengah orang Madinah tidak menghormati orang Badwi kerana rendah akhlaknya.
- Lebih-lebih lagi diketahui Zahir ini rendah dan tidak hensem orangnya.

- Satu ketika, nabi nampak Zahir berada di pasar, yang mana masing-masing sedang sibuk menjual barangan.
- Laungan siapa mahu beli ini, siapa mahu beli itu! Kedengaran di sana-sini.
- Nabi menangkap Zahir dari belakang, dan melaungkan, siapa mahu beli hamba di sini!.
- Hamba mempunyai dua maksud, yang dimaksudkan hamba baginda menurut ulama' ialah hamba Allah SWT, bukannya hamba abdi.
- Zahir yang tersentak, dan akhirnya malu kerana mengetahui ianya daripada baginda memberitahu, siapa yang hendak beliku, kalau ya pun murah.
- Nabi menyebut, di sisi Allah SWT hargamu tinggi.
- Melalui jenaka ini hierarki orang bawahan kepada orang atasan dapat dihilangkan.
- Sememangnya banyak lagi gurauan dan jenaka baginda, dan perkara ini banyak dicatatkan dalam karya berbentuk Syamil susunan Tarmizi.
- Imam Tarmizi bukan sahaja terkenal dengan hadisnya, tetapi juga tulisan berbentuk Syamil, yakni watak Rasulullah SAW.
- Kita juga pernah mengetahui tentang banyaknya karya yang berkaitan dengan etika lawak, misalnya yang pernah ditulis oleh Imam al-Mawardi, al-Jawzi, Ibnu Hazim dan lain-lain.
- Ada dua peristiwa yang berkaitan dengan Sayidatina Aisyah, yang pertama berkaitan dengan jenaka melibatkan baginda.
- Satu ketika, Saudah, isteri tua baginda datang ke rumah Aisyah, dan Aisyah sedang memasak makanan istimewa untuk dihidangkan kepada Saudah.
- Saudah tidak mahu makan, dan Aisyah memberitahu, jika engkau tidak mahu makan, aku akan suapkan makanan ini ke mulutmu.
- Baginda yang berada pada ketika itu, melihat sahaja sambil bersila.
- Aisyah cuba menyuap paksa makanan berkenaan, lalu nabi hanya membiarkan, malah membuat lawak dengan memberikan peluang Saudah pula untuk melawan balik tindakan Aisyah.
- Sikap nabi yang tidak mengambil serius pada isu-isu seperti ini menyebabkan hubungan ketiga-tiga mereka semakin baik, yang mana Saudah kemudiannya melemparkan makanan berkenaan ke muka Aisyah pula, wallahua'lam.
- Satu ketika yang lain pula, Aisyah meninggikan suaranya ketika bercakap dengan baginda, lalu didengari oleh Abu Bakar RA, ayahnya, dan memohon masuk untuk menasihati Aisyah, sambil menghayun-hayunkan tangannya, seolah-olah hampir mahu memukul Aisyah, nabi datang berada antara kedua mereka, sehinggakan Abu Bakar terpaksa meninggalkan mereka, dan nabi berjenaka sambil berkata, antara lain, tengok macam mana aku mempertahankan engkau daripada lelaki itu, Wallahua'lam.
- Sememangnya banyak lagi lawak baginda, cuma apabila kita cuba memberi ekspresinya dalam bahasa melayu, mungkin kita tidak dapat menangkap maksud lawak sebenar, kerana perihal lawak banyak berkait dengan budaya masyarakat tertentu, dan masyarakat dalam budaya itu lebih mudah sensitif dengan maksud lawak berkenaan.



<http://bestfunnychannel.blogspot.com/>

Bukankah dengan melihat gambar baby tersenyum sahaja telah sedikit sebanyak mencerikan kita. Nabi tidak setakat menyampaikan dakwah tentang akidah, ibadah dan akhlak, tetapi banyak juga menyelitkan unsur-unsur jenaka bagi mencerikan bagi mencerikan suasana dan membolehkan audience-nya selesa dan gembira. Mudah-mudahan usaha kita untuk mencerikan orang diterima Allah SWT sebagai satu sunnah sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW.

- Pernah satu ketika, seorang wanita yang ditanya oleh nabi tentang suaminya selepas memberi penerangan, nabi menyebut, oh, suamimu yang putih mata (sejenis penyakit dalam bahasa arab).
- Wanita ini mengatakan, suami ini tidak berpenyakit, namun beliau tahu nabi tidak pernah berbohong, lalu pulang ke rumah merenung ke arah mata suaminya, sambil menerangkan tentang perkataan nabi tentang putih mata suaminya itu.
- Suaminya menyebut bahawa kami, yakni aku dan Nabi Muhammad SAW pernah membincangkan tentang masalah matakmu yang putih.
- Nabi sebenarnya bergurau denganmu, dan sekaligus bergurau denganku juga.
- Lihat bagaimana gurauan nabi bukan sahaja menyebabkan hubungan nabi dan keluarga semakin baik, tetapi antara suami dan isteri juga semakin baik.
- Pernah satu sahabat yang lain, ketika hendak mengikuti ekspedisi nabi, memberitahu tidak mempunyai unta atau kenderaan, lalu nabi memberitahunya bahawa baginda akan memberikannya anak unta.
- Lalu disebut oleh para sahabat, apa yang boleh anak unta itu buat?
- Lalu nabi menyebut bahawa, semua unta adalah anak unta kepada unta yang lain.

- Lihat gurauan nabi ini bukan sahaja dapat merapatkan hubungan, tetapi menyebabkan para sahabat tidak merasa dirinya terlalu bergantung dengan bantuan nabi, sebagai orang lain, tetapi nabi sebagai sahabat lain kerana boleh bergurau senda.
- Shuhaib ar-Rumi, pernah satu masa tidak pergi ke masjid, kerana sebelah matanya sakit bengkak.
- Nabi melawatnya, dan pada ketika itu beliau sedang makan kurma dan tidak nampak langsung keadaan yang ianya tidak sihat.
- Nabi menyebut sambil bergurau, yang mungkin ekspresinya dalam bahasa melayu boleh disebut seperti, wah sakit apa engkau ini, boleh makan kurma senang sahaja.
- Mengetahui nabi menggunakan nada bergurau, Shuhaib menjawab, aku menggunakan mata yang satu lagi, yang sekaligus merapatkan hubungan tanpa ada perasaan sangka buruk terhadap yang lain.
- Jelas kepada kita bahawa gurauan, terutamanya daripada mereka yang berada di status sosial yang lebih tinggi, atau golongan yang lebih pandai kepada orang yang berstatus sosial rendah atau kurang pandai, banyak mendatangkan manfaat.
- Namun begitu, dalam keadaan kita ingin berjenaka dan bergurau kerana ianya adalah sunnah, beberapa syarat berikut pernah dibincangkan oleh Syeikh Yasir Qadhi perlu dipatuhi.
 1. Jangan bergurau dengan mengada-adakan cerita atau berbohong, sehingga menyebabkan orang yang digurau itu menjadi marah atau tersinggung.
 2. Jangan bergurau menggunakan bahasa yang lucah atau kesat, dan seumpamanya.
 3. Dilarang bergurau tentang perkara-perkara berkaitan akidah, iman dan ibadah.
 4. Jangan dijadikan matlamat untuk berseronok-seronok dengan bergurau itu.
- Dalam kes nabi, kita dapati bahawa gurauan baginda mempunyai matlamat untuk merapatkan ukhwah dan lain-lain.
- Kita sememangnya digalakkan bergurau dan mengelakkan daripada terlalu serius, kerana ianya tidak akan disenangi oleh orang.
- Namun kalau kita berlebih-lebih bergurau, ianya bukan sahaja menyebabkan lagha atau lalai, malah rasa hormat orang lain terhadap diri kita akan hilang.
- Pendeknya, kita perlulah berpada-pada sekiranya hendak bergurau.
- Islam adalah agama yang indah, bukan sahaja aspek akidah, ibadah, muasyarah, muamalah yang am sahaja ditegaskan, namun aspek gurau dan jenaka juga adalah sebahagian daripada sunnah.
- Pernah satu ketika, Sayidina Umar ditegur kerana terlalu keras melarang orang lain untuk berhibur dan bersuka-ria.
- Nabi menegur Umar dan memberitahu supaya membiarkan mereka untuk bersuka ria.
- Namun begitu, terdapat larangan daripada baginda supaya tidak bergurau dan berjenaka, dan terus-terusan ketawa.
- Ini kerana orang yang banyak ketawa akan menjadi keras hatinya.
- Apabila hati manusia menjadi keras, amat susah bagi dirinya untuk mendapat hidayat dan menerima cahaya petunjuk daripada Allah SWT.
- Mungkin dua jenaka nabi yang berikut kita bincangkan juga sebelum kita akhiri perkongsian kita kali ini.
- Pernah seorang sahabat pada ketika usia tuanya menceritakan bahawa pada zaman kecilnya, nabi pernah datang ke rumah mereka sekeluarga.
- Dia masih ingat nabi bergurau dengannya dengan merenjiskan air kepadanya.
- Lihat bagaimana gurauan berkenaan terkesan kepada sahabat yang pada ketika itu sudah menjangkau usia 90 tahun.

- Satu lagi gurauan yang lain pula ialah Abu Bakar melihat nabi merangkak sambil ditunggangi oleh cucunya Hassan.
- Lalu (dalam ekspresi bahasa Melayu), Abu Bakar berkata, ini kuda apa pula ini?
- Baginda menjawab, antara lain, ini kuda bukan sebarang kuda, ini kuda nombor 1 dan penunggangnya bukan sekadar penunggang, ini juga penunggang nombor 1.
- Mudah-mudahan daripada perkongsian ini kita bukan sahaja dapat menambahkan ilmu kita, tetapi juga dapat melihat betapa syumalnya Islam, yang mana kita bukan sahaja diajar tentang bagaimana hendak berhubungan dengan Allah SWT, Habluminallah, tetapi juga bagaimana berhubungan dengan hamba, atau manusia, Habluminannas.
- Jenaka adalah satu aspek hiburan, jenaka yang jelas matlamatnya, iaitu untuk menimbulkan keceriaan, merapatkan ukhwah, menghilangkan rasa malu orang lain dan rasa tinggi diri sendiri demi kerana Allah SWT adalah bentuk jenaka yang dituntut dalam Islam.



Benar jenaka merupakan sesuatu sunnah, tetapi jika kita berjenaka berlebih-lebihan, kita bukan sahaja menyebabkan hati orang dan hati kita menjadi keras, tetapi rasa hormat orang lain terhadap diri kita akan hilang. Berpada-padalah jika kita hendak berjenaka, sekadar-kadar ianya menepati sunnah Rasulullah SAW.

- Malah ianya menjadi sunnah Rasulullah SAW.
- Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Perkongsian 7 - Pembunuhan Husin di Karbala' (1) : Peranan Ibnu Aqil dan Ibnu Ziyad

- Bismillahirrahmanirrahim
- Alhamdulillahirabbilalamin
- Wassalatuwassalamuala asyrafil ambiya iwal mursalin
- Wa ala alihi wasahbihi ajmain
- Dalam sejarah awal Islam selepas kewafatan baginda, terdapat beberapa peristiwa besar yang berkaitan dengan pertumpahan darah sesama Islam.
- Antara peristiwa yang terpenting adalah Perang Jamal dan Perang Siffin, termasuk jugalah peristiwa Karbala' yang menyebabkan sebahagian besar daripada ahli keluarga nabi yang dipimpin oleh Sayidina Husin terkorban.
- InsyaAllah pada perkongsian kali ini kita akan memberikan fokus terhadap peristiwa Karbala', dan kita akan cuba memperincikan peristiwa ini.
- Justeru, untuk maksud itu kita akan bahagikan peristiwa Karbala' ini kepada dua bahagian, dan bahagian pertama ini akan dibincangkan dua tokoh penting dalam peristiwa ini iaitu Muslim Ibnu Aqil Ibnu Abi Talib dan Ubaydullah Ibnu Ziyad Ibnu Bahi'.
- Ibnu Aqil adalah wakil Sayidina Husin dan Ibnu Ziyad adalah wakil Yazid, khalifah daripada Bani Umayyah pada ketika itu.
- Oleh itu, perbincangan kita pada hari ini akan kita kelompokkan kepada dua kumpulan, iaitu kumpulan Pro-Husin dan kumpulan Pro-Yazid, atau Umayyah.
- Sebelum membincangkan peristiwa ini, eloklah kita memahami beberapa konsep seperti ahlul bait, yakni ahli keluarga nabi, munculnya kekhalifahan Umayyah dan peranan Yazid secara amnya.
- Sebahagian besar daripada catatan tentang peristiwa karbala' ini dikalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah telah dihuraikan dengan panjang lebar oleh tokoh-tokoh ulama' seperti Ibnu Hajar, Ibnu Kathir, al-Zahabi dan lain-lain.
- Manakala catatan yang menjadi rujukan utama para penyokong atau penganut syiah pada hari ini adalah daripada Abu Mikhnaf Luth Ibnu Yahya, yang diketahui tidaklah mempunyai autoriti dalam bidang sejarah Islam, tidak seperti Ibnu Ishak misalnya.
- Kita tidaklah di sini mahu menonjolkan kelemahan mana-mana kumpulan, Astaghfirullahalazim, tetapi kita cuba berkongsi maklumat tentang peristiwa Karbala' ini dari sudut tafsiran sejarah berdasarkan sumber-sumber yang ada autoriti.
- Ahli keluarga nabi adalah satu konsep yang ditafsirkan dengan dua sudut pandangan yang sangat berbeza.
- Satu golongan memahami ahli keluarga nabi itu adalah daripada keturunan nabi, membawa kepada Ali dan Fatimah, kemudian cucunya Hassan dan Husin, dan mana-mana daripada jalur inilah harus diiktiraf sebagai ahli keluarga nabi, dan ini mungkin kerana adanya hadis yang disebut sebagai hadis cloaked, yang menerangkan bahawa nabi sendiri menyebut tentang Ali, Fatimah, Hassan dan Husin sebagai ahli keluarganya.
- Malah, seperti yang kita pernah bincang tentang sirah Rasulullah SAW, ketika tahun 9 Hijrah, adanya delegasi daripada Najran yang menganut agama kristian mendakwa kebenaran ajarannya dan kebathilan ajaran agama Islam.
- Mereka dan umat Islam bersedia melakukan mubalahah, iaitu sumpah yang mana pendusta dilaknat, yang mana peristiwa ini Rasulullah SAW membawa ahli keluarganya, Ali, Fatimah, Husin dan Hassan sebagai anggota Mubalahah berkenaan
- Namun begitu, sewajarnya kita memahami konsep ahlul bait ini dalam kerangka yang lebih besar dan tepat.

- Syeikh Yasir Qadhi pernah membincangkan tentang isu ini, dan beliau ada menyebut tentang beberapa ayat al-Quran yang menerangkan bahawa isteri-isteri nabi adalah ahli keluarga nabi.
- Kita sendiri pun misalnya, tentulah memahami ahli keluarga kita bukan setakat anak, menantu serta cucu sahaja, dan ia tentulah meliputi abang dan adik, bapa saudara dan mak saudara, dan tentulah isteri dan keluarga isteri kita juga.
- Oleh itu, sangatlah ramai ahli keluarga nabi itu.
- Contoh yang ketara ialah bapa saudara nabi, Abbas, dan anaknya Abdullah Ibnu Abbas, yang kemudiannya berkembang membawa kepada munculnya dinasti Abbasiyyah.
- Lagipun, jika kita perhatikan secara realiti, kesemua khalifah berkenaan, selain daripada Ali, mempunyai hubungan kekeluargaan dengan baginda.
- Abu Bakar selain daripada sahabat, adalah bapa mertua nabi melalui perkahwinan baginda dengan Sayidatina Aisyah RA.
- Sayidina Umar RA berkahwin dengan cucu nabi, iaitu anak ali, Ummi Kalthum, selain daripada menjadi sahabat besar nabi.
- Uthman adalah menantu nabi kerana telah berkahwin dengan Ruqayyah dan kemudiannya Ummi Kalthum setelah kematian Ruqayyah.
- Oleh itu, ahli keluarga nabi itu sangatlah besar, dan kita sewajarnya menghormati ahli keluarga nabi berkenaan, dan ahli keluarga nabi yang mempunyai hubungan darah tidak boleh menerima zakat atau sedekah, justeru kesemuanya yang terlibat juga terlibat dengan hukum fekah dalam konteks ini.
- Abu Bakar sendiri dicatatkan pernah di hadapan Sayidina Ali sendiri mengatakan bahawa beliau menghormati keluarga Ali lebih daripada keluarganya sendiri.
- Umar kerana mahu mengadakan hubungan kekeluargaan dengan nabi, maka beliau berkahwin dengan anak Ali, dan seterusnya.
- Sebagaimana yang kita ketahui, Sayidina Husin adalah cucu kepada nabi, dan sebagai Umat Islam kita sewajarnya memberikan penghormatan kepada Sayidina Husin, dan sewajarnya jugalah merasa terharu dan dukacita terhadap kematian atau pembunuhan terhadap Husin semasa kekhalifahan Yazid yang sebahagiannya disebabkan oleh sikap “ganas” Ibnu Ziyad, gabenor Kuffah yang dilantik oleh Yazid.
- Anak Amru al-As, iaitu Abdullah, ketika berjumpa dengan Sayidina Husin, pernah menyebut bahawa beliau adalah satu-satunya manusia pada ketika itu yang mempunyai darjat yang tinggi dalam Islam.
- Pendeknya, Sayidina Husin sememangnya dikasihi oleh para sahabat. Baik dari kalangan Ahlul bait mahupun yang bukan ahlul bait.
- Peristiwa pembunuhan Husin di Karbala’ bermula dengan perlantikan Yazid sebagai Khalifah pada 60 Hijrah, selepas kewafatan Muawiyah, bapanya.
- Muawiyah bin Abu Sufian, telah mengisytiharkan dirinya sebagai khalifah di Damsyik, Syria, apabila Sayidina Ali RA terkorban akibat dibunuh oleh komplot golongan Khawarij.



Di kota Damsyik inilah Muawiyah memulakan kariernya sebagai Gabenor, kemudian menjadi khalifah setelah kematian Sayidina Ali RA. Di sinilah juga anaknya Yazid, kemudiannya menggantikan beliau pada tahun 60 Hijrah, dan semasa pemerintahan Yazid inilah berlakunya peristiwa yang menyayat hati, iaitu pembunuhan cucu nabi, Sayidina Husin RA di Karbala, yang menjadi kontroversi sehingga ke hari ini. Mudah-mudahan Allah SWT mengelakkan kita daripada terjebak ke dalam perkara-perkara yang kontroversi, termasuk ketika membincangkan isu ini.

- Sayidina Ali RA yang pada awalnya mendapat sokongan orang Kuffah, telah memindahkan pusat pemerintahan Islam dari Madinah ke Kuffah pada 37 Hijrah, dan keluarganya termasuk Hassan dan Husin juga berpindah ke Kuffah.
- Apabila Sayidina Ali RA meninggal dunia, orang-orang Kuffah mengangkat Sayidina Hassan RA menjadi khalifah Islam yang berpusat di Kuffah.
- Maka pada ketika itu, terdapat dua khalifah Islam yang satunya di Kuffah di bawah Hassan, dan satunya di Damsyik di bawah Muawiyah.
- Muawiyah yang bertegas untuk memerintah bersedia secara strategiknya untuk melakukan perang dengan mana-mana sahaja kumpulan yang menentangnya, termasuklah kumpulan Hassan di Kuffah.
- Akhirnya, dua kumpulan Islam yang besar hampir-hampir mengadakan perang, yang dikatakan lebih besar daripada dua perang sebelumnya, iaitu Jamal dan Siffin.
- Kedua-dua perang sebelumnya, telah menyebabkan kematian berpuluh-puluh ribu umat Islam, melebihi kematian Umat Islam di medan perang ketika menentang orang-orang Kafir.
- Menyedari akan malapetaka perang berkenaan, Sayidina Hassan dengan penuh keimanan dan rasa rendah diri, menarik diri daripada jawatan khalifah, lalu bersama-sama keluarganya termasuk Husin, kembali berpindah ke Madinah.
- Pada tahun 50 Hijrah, Sayidina Hassan meninggal dunia, dan tidak lama selepas itu, Muawiyah mengisytiharkan Yazid sebagai penggantinya.
- Apabila Muawiyah meninggal dunia, Yazid telahpun diangkat menjadi khalifah, sebahagian besar umat Islam telah memberikan bai'ah, yakni persetujuan, kecuali penduduk Mekah yang berada dibawah pengaruh Abdullah Ibnu Zubair al-Awwam, dan Madinah dibawah pengaruh Sayidina Husin ibnu Ali, enggan memberikan bai'ah.

- Untuk catatan, Yazid bukan sahaja masih muda kerana lahir pada 26 Hijrah, tetapi terdapat banyak anak-anak para sahabat yang terkemuka dan lebih senior pada ketika itu yang dilihat lebih layak daripada Yazid untuk menjadi khalifah.
- Anak Umar al-Khattab, Abdullah Ibnu Umar lebih dilihat berkaliber dan lebih senior.
- Pada usia 14-15 tahun, beliau telah menyertai Perang Uhud, dan kemudiannya perang-perang yang lain.
- Beliau terkenal sebagai ahli fekah yang menjadi rujukan umat Islam, disamping sangat tawaduk, yakni merendah diri.
- Ketika Perang Jamal dan Perang Siffin, Ibnu Umar mengambil pendirian untuk tidak terlibat dalam politik, yakni apolitical.
- Anak Zubair, iaitu Abdullah Ibnu Zubair juga lebih senior umurnya, iaitu kira-kira 11 tahun semasa kewafatan baginda ertinya kira-kira berusia 61 tahun ketika Yazid diangkat menjadi Khalifah.
- Beliau bukan sahaja terkenal kerana kewarakannya tetapi juga lahir di kalangan bangsawan.
- Abdullah lahir ketika Hijrah, dan beliau adalah cucu kepada Sayidina Abu Bakar RA, anak daripada Asma' yang telah melahirkan beliau apabila rombongan Hijrah sampai ke Quba'.
- Dari segi senioriti, tentulah beliau lebih layak daripada Yazid.
- Ibnu Abbas juga ada pada ketika itu, dan Sayidina Husin RA yang lahir pada 4 Hijrah meskipun lebih muda daripada sahabat yang lain, tetapi jauh lebih senior daripada Yazid, dan beliau sendiri adalah waris terus daripada Nabi Muhammad SAW.
- Maka tidak hairanlah penduduk Hijaz, Mekah dan Madinah di bawah pengaruh Abdullah bin Zubair serta Husin bin Ali tidak mahu memberikan baiah kepada Yazid kerana tokoh besar ada di depan mereka.
- Muawiyah meninggal dunia pada Rejab, 60 Hijrah.
- Dengan perlantikan Yazid, maka kesemua gabenor-gabenor yang dilantik harus mendapatkan baiah bagi pihak Yazid dikawasannya.
- Gabenor Madinah menunggu Husin untuk memberikan baiah, namun beliau enggan, sehinggalah dipanggil ke rumah, iaitu gabenor, dan meminta Husin memberikan baiah di masjid kepada Yazid.
- Husin memohon masa dan memikirkan perkara berkenaan, namun pada hari yang sama malam harinya, iaitu pada bulan Ramadhan 60 Hijrah itu, beliau telah bergerak ke Mekah untuk menyusun strategi, disamping mendapatkan kerjasama orang-orang Mekah di bawah Ibnu Zubair.
- Mengetahui tentang keengganan Husin memberikan baiah berkenaan, orang-orang Kuffah sangat gembira kerana mereka kuat dengan sokongannya terhadap Ali dan Hassan sebelumnya, dan sangat anti kepada Muawiyah serta Bani Umayyah.
- Gerakan politik menyokong Ali dan keturunannya, sememangnya telah ada sejak zaman Sayidina Ali RA lagi, dan melalui gerakan politik inilah, mereka kemudiannya meminta Ali berpindah ke Kuffah.
- Sebelum ini mereka tidak berpuas hati dengan keputusan Sayidina Hassan RA untuk menarik diri, dan pada ketika ini ketua kumpulan mereka masing-masing telah menghantar surat tanda sokongan kepada Sayidina Husin RA untuk kembali mengangkat sistem kekhalifahan dalam kalangan ahli keluarga nabi.
- Dicatatkan kira-kira 60 perutusan diterima oleh Sayidina Husin dalam tempoh singkat daripada kumpulan seperti Bani Kindah dari Kuffah, memberikan sokongan kepada Husin untuk diangkat sebagai Khalifah.

- Gerakan ini telah dapat dihidu oleh Yazid di Damsyik, lalu beliau menghantar Ibnu Ziyad, yang menurut Syeikh Yasir Qadhi, mempunyai politik Machiavellian, iaitu matlamat menghalalkan cara, untuk menghapuskan gerakan politik bagi menjatuhkan gerakan Yazid berkenaan.
- Di pihak Sayidina Husin RA, beliau telah menghantar Muslim Ibnu Aqil untuk meninjau darjah kesokongan orang-orang Kuffah terhadap Sayidina Husin.
- Muslim adalah sepupu Husin, iaitu Aqil adalah abang kepada Sayidina Ali RA.
- Sesampai sahaja Muslim ke Kuffah, beliau telah diberikan sokongan, dan menurut at-Tabari, seramai 12,000 orang telah memberikan baiah kepada Ibnu Aqil bagi pihak Sayidina Husin untuk menjadi khalifah.
- Sayidina Husin bukan sahaja diminta untuk datang ke Kuffah, bagi mengembalikan kekhalifahan daripada keluarga nabi, tetapi juga semacam diugut dengan mengatakan bahawa kami penduduk Kuffah tidak akan bersembahyang Jumaat, sekiranya Husin tidak datang.
- Untuk catatan, khalifah atau gabenor bukan sahaja pemimpin negara, tetapi imam ketika mendirikan solat Jumaat.
- Bersetuju mengikut imam bererti memberikan sokongan terhadap kepimpinan politik khalifah atau gabenor berkenaan.
- Muslim sangat ghairah dengan sokongan orang-orang Kuffah berkenaan, lalu menulis surat kepada Husin supaya segera datang ke Kuffah sejurus menerima surat ini, kerana sokongan orang Kuffah tidak berbelah bahagi kepada Husin.



Sayidina Husin RA terdorong untuk pergi ke Kuffah, bekas pusat pemerintahan legasi bapanya, Sayidina Ali RA kerana menerima warqah atau surat yang banyaknya daripada orang-orang Kuffah itu. Mereka menjanjikan sokongan, malah ada yang memberi semacam ancaman, tidak mahu bersembahyang Jumaat di belakang imam yang mereka tidak sukai di Kuffah itu, kerana pada masa itu pemimpin negara juga adalah imam dalam sembahyang.

- Secara amnya, keseluruhan penduduk Kuffah pada ketika itu memberikan sokongan kepada Husin.

- Tidak lama kemudian, rombongan Ibnu Ziyad daripada Damsyik yang dihantar oleh Yazid, seramai 17 orang sampai ke Kuffah.
- Ibnu Ziyad yang baru berusia 28 tahun, memakai serban dan menutup mukanya, dan disangkakan oleh penduduk Kuffah bahawa itu adalah Husin, lalu mereka menyambutnya dengan sokongan gembira.
- Ibnu Ziyad melalui sokongan demikian, mengetahui bahawa khabar angin yang didengar dari Damsyik itu memang benar, dan gerakan politik itu sememangnya besar, kerana tidak suka mendengarkan sokongan terhadap Husin, salah seorang anggota rombongan Ibnu Ziyad memberitahu bahawa ini bukan rombongan Husin, tetapi rombongan gabenor baru yang dilantik oleh Yazid iaitu Ibnu Ziyad.
- Ibnu Ziyad terus menunjukkan surat kuasanya dan mengarahkan gabenor yang sedia ada meletakkan jawatan.
- Ibnu Ziyad menyusun strategi untuk mengesan dan menangkap Ibnu Aqil, dan mana-mana pemimpin yang menyokong gerakan mengangkat Husin ini.
- Beliau telah mengarahkan seorang anggotanya berpura-pura datang dari Syria dengan membawa wang emas yang banyak, untuk diberikan kepada Ibnu Aqil dengan memberitahu bahawa beliau adalah wakil daripada Syria yang menyokong gerakan mengangkat Husin berkenaan.
- Akhirnya, individu ini berjaya untuk memberikan hadiah wang emas berkenaan kepada wakil Muslim Ibnu Aqil, iaitu Hani Ibnu Urwah.
- Hani Ibnu Urwah bukan sahaja melindungi Ibnu Aqil pada ketika itu, tetapi beliau juga merupakan pembesar Kuffah yang pada masa itu berada di tangan Ibnu Ziyad.
- Hani adalah Pro-Husin, walaupun beliau memegang jawatan sebagai Pro-Yazid.
- Yazid memanggil Hani untuk membuat pengakuan, akhirnya terpaksa mengaku bahawa beliau adalah Pro-Husin, apabila individu yang memberikan wang berkenaan bersemuka dengannya di depan Ziyad.
- Hani telahpun didera oleh Ziyad dengan tombaknya.
- Mendengari tentang deraan dan seksaan terhadap Hani, orang-orang daripada puaknya datang untuk membebaskan Hani, lalu diberi janji oleh Ziyad untuk tidak mengapa-apakan Hani.
- Mengetahui tentang peristiwa ini, Muslim Ibnu Aqil telah mengarahkan orang-orang Kuffah untuk menyerang dan membunuh Ibnu Ziyad dan menyelamatkan Hani Ibnu Urwah.
- Mereka bergerak secara senyap dengan kod rahsianya, iaitu Ya Mansur Imat, yang sebenarnya membawa maksud, masa untuk menyerang.
- Seramai 4000 orang telah mengepung Ibnu Ziyad di luar kubunya (fortress), namun dengan strategi Machiavellinya, beliau berjaya meredakan keadaan.
- Beliau telah memanggil ibu dan bapa puak-puak tertentu supaya merayu kepada anak-anak atau ketua puak untuk meninggalkan kepungan berkenaan.
- Bapa puak berkenaan juga menyebut supaya kita tidak boleh buat apa-apa, kerana tentera daripada Syria akan datang pada bila-bila masa.
- Ketua puak berkenaan dirasuah dengan diberikan wang yang banyak sekiranya bersetuju meninggalkan kepungan berkenaan.
- Daripada jumlah seramai 4000 orang, Muslim Ibnu Aqil hanya tinggal 70 orang ketika Asar, dan ketika solat Maghrib, hanya 30 orang sahaja mengikuti jemaahnya.
- Akhirnya pada malam hari, Ibnu Aqil cuba membuat strategi baru, dan pergi ke Bani Kindah, namun yang mengikutinya hanya 10 orang sahaja, dan kesemuanya di malam hari, sehinggakan Ibnu Aqil keseorangan dahaga dan kelaparan tanpa mempunyai sebarang duit pun.

- Akhirnya beliau bergerak untuk menyelamatkan diri sehingga sampai ke rumah Ibu tua, dan beliau menyamar sebagai peminta sedekah untuk mendapatkan minuman dan makanan.
- Setelah diberi minum dan makan, beliau diarahkan keluar oleh ibu tua berkenaan, lalu memohon perlindungan daripada ibu tua berkenaan dengan memberitahu bahawa beliau adalah Muslim Ibnu Aqil.
- Keesokan harinya, anak ibu berkenaan melawat ibunya, dan ibu tuanya terpaksa menerangkan bahawa beliau memberi perlindungan kepada Muslim Ibnu Aqil.
- Mengetahui keadaan ini, anak lelaki berkenaan tidak lama kemudian itu pergi ke Masjid dan memberitahu kepada orang-orang Ibnu Ziyad yang diketuai oleh Abdurrahman Muhammad Ibnu Asyad, yang terus pergi ke tempat Muslim untuk mengepung dan menangkapnya.
- Ibnu Aqil telahpun ditangkap untuk dibawa ke hadapan Ibnu Ziyad, dan Ibnu Aqil meminta sangat-sangat kepada Ibnu Asyad untuk menolongnya menyampaikan pesan kepada Sayidina Husin RA untuk tidak pergi ke Kuffah, dan kembali ke Mekah, kerana beliau telah ditangkap, dan yang paling pentingnya, orang-orang Kuffah telah mengkhianati gerakan untuk mengangkat Husin untuk menjadi Khalifah.
- Muslim Ibnu Aqil telah dihukum mati oleh Ibnu Ziyad, dengan dibawa ke tempat yang paling tinggi di kubu berkenaan di satu menara, lalu dicampak ke bawah.
- Hanu Ibnu Urwah dan pemimpin yang lain telah dipalang (crucified) di tengah-tengah bandar untuk memberitahu kepada sesiapa yang cuba menentang Bani Umayyah atau Yazid, akan mendapat padahnya.
- Hanya melalui surat Ibnu Asyad itulah Husin kemudiannya mendapat tahu keadaan di Kuffah dan kita akan sambung perkongsian ini pada masa yang akan datang, insyaAllah, untuk mengetahui kesudahan peristiwa Karbala' yang membawa kepada kematian Husin yang sangat menyayat hati ini.
- Wabillahi taufiq walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
- Walhamdulillah rabbil alamin
- Wa astaghfirullah alazim, allazi la ila hailla huwal hayyul qayyum wa atubu ilaik.

Perkongsian 8 - Pembunuhan Husin di Karbala' (2) : Janji-janji Orang Kuffah

- Bismillahirrahmanirrahim
- Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, bukan sahaja terus diberi kekuatan untuk berpuasa enam, namun yang lebih penting juga diberikan kekuatan untuk boleh dan insyaAllah sentiasa mengingatkannya dan mengingati hari akhirat iaitu hari pembalasan.
- Kita akan terus sambung perbincangan pembunuhan Sayidina Husin, iaitu cucu Rasulullah SAW di Karbala'.
- Dalam perbincangan yang lalu, telahpun kita sebutkan bahawa Muslim Ibnu Aqil, apabila ditangkap oleh orang-orang Ibnu Ziyad di bawah pimpinan al-Ashad, sempat meminta supaya sepucuk surat lain dihantar ke Husin, supaya meninggalkan Kuffah dan kembali ke Mekah kerana orang-orang Kuffah telah mengkhianati janjinya untuk menyokong gerakan mengembalikan Islam di bawah pemerintahan ahli keluarga nabi.
- Ibnu Aqil telahpun dihukum bunuh pada 9 atau 10 Dzulhijjah, dan surat yang ditulis ini tidak pun sempat diterima oleh Husin.
- Di Mekah, Husin telah bersiap sedia untuk pergi ke Kuffah berdasarkan surat Aqil sebelumnya, yang mengatakan bahawa sokongan kuat sehinggakan at-Tabrani ada menyebut kira-kira 12,000 orang Kuffah telah memberikan bai'ah kepada Husin melalui Ibnu Aqil itu.
- Di Mekah, Husin mengumumkan rancangannya untuk ke Kuffah, dan mengumpulkan ahli keluarga nabi, termasuk anak Hasan, anak Muslim Ibnu Aqil, anak Jaafar, Muhammad Ibnu Hanafiah (saudara lelaki dari ibu lain Husin).
- Sungguhpun begitu, beberapa orang pemimpin besar, termasuk Muhammad Ibnu Hanafiah sendiri tidak bersetuju dengan rancangan Husin berkenaan kerana pertumpahan darah dijangkakan akan berlaku, dan peristiwa Perang Siffin dan Jamal yang telah menyebabkan berpuluh-puluh ribu umat Islam mati terbayang dalam fikiran kita.
- Sahabat-sahabat besar seperti Ibnu Abbas, Ibnu Umar, Syed al-Khudri dan Jabir Ibni Abdillah telah menasihatkan Husin supaya membatalkan rancangannya untuk ke Kuffah, bukan sahaja disebabkan oleh kemungkinan pertumpahan darah yang besar, tetapi juga ada pengalaman sebelumnya, bahawa orang-orang Kuffah tidak memberikan sokongan kepada bapa Husin, Sayidina Ali, ketika menjadi khalifah, sebagaimana yang mereka janjikan.
- Untuk catatan, Sayidina Ali RA telah memindahkan pusat pemerintahan Islam dari Madinah ke Kuffah, dan kemudiannya Hasan yang telah meletak jawatan, telah kembali membawa keluarganya ke Madinah.
- Husin menunjukkan surat-surat yang diterimanya dari Kuffah dalam bungkusan-bungkusan besar, dan terus bergerak.
- Ibnu Abbas yang berada di Madinah, dan Muhammad Ibnu Hanafiah, dikatakan pernah seketika memintas rombongan Husin di Kuffah itu, untuk melarang atau menasihatkannya supaya membatalkan rancangan berkenaan.
- Ibnu Umar pernah memberitahu Husin bahawa ada satu perkara yang tidak pernah diberitahu kepada umat Islam ketika itu, tentang hadis yang mana Jibril berjumpa dengan nabi untuk memberitahu sama ada hendak memilih dunia atau akhirat, namun sebagaimana yang kita ketahui, nabi telah memilih akhirat.
- Ibnu Umar memberitahu kepada Husin, apabila nabi memilih akhirat, nabi juga memilih untuk keluarganya, justeru itu Husin sewajarnya tidaklah memilih jawatan politik sebagai ketua khalifah dalam rancangan ke Kuffah itu.
- Namun, Husin antara lain menyebut bahawa, aku tidak mahu pertumpahan atau perang saudara berlaku di tanah haram (Hijjaz), justeru, aku akan terus ke Kuffah.

- Muhammad Ibnu Hanafiah telah melarang anak-anaknya mengikut rombongan berkenaan, dan mengikut catatan, perjalanan antara Madinah ke Kuffah mengambil masa kira-kira 20 hari.
- Rombongan ini bergerak pada 8 Dzulhijjah, sehari dua sebelum Muslim bin Aqil dibunuh.
- Di Kuffah, Ibnu Ziyad, gabenor baharu yang dilantik oleh Yazid, sentiasa memerhatikan pergerakan, khususnya dari Mekah ke Kuffah, untuk mengetahui ada kemungkinannya Husin datang.
- Husin pula menghantar utusannya untuk mengetahui kedudukan di Kuffah, namun dua utusan yang telah dihantar oleh Husin telahpun dibunuh.
- Utusan kedua sempat memberitahu Husin sedang bergerak dan bersiap sedia, sebelum beliau dibunuh.
- Dalam tempoh beberapa hari selepas itu, rombongan Husin tiba hampir dengan Kuffah, dan dapat bertemu dengan al-Ashad, yang membawa surat Aqil, supaya meninggalkan Kuffah kerana pengkhianatan orang-orangnya terhadap janji menyokong Husin itu.
- Husin dan ahli keluarga nabi yang lain, serta beberapa orang lain yang bersimpati dengannya, mula bermesyuarat setelah membaca surat Aqil itu.
- Anak Ibnu Aqil ingin meneruskan sahaja perjuangannya kerana mahu membalas dendam keatas kematian bapanya.
- Yang lain pula menyebut bahawa Ibnu Aqil bukan Husin, jika orang-orang Kuffah nampak Husin, mereka tentu akan menyokong, lalu keputusan yang dibuat adalah untuk terus ke Kuffah.
- Ibnu Ziyad yang telah membaca gerak-geri Husin sejak awal lagi, telah mendapat keizinan Yazid, khalifah di Damsyik, untuk menggunakan pasukan tentera seramai 4000 orang, yang diarahkan untuk menyerang timur laut Turki, kawasan yang bernama Dailamat, supaya memintas rombongan Husin.
- Pasukan berkenaan sampai ke Kuffah, dan berjaya memintas rombongan Husin di Karbala'.
- Pasukan tentera ini diketuai oleh anak Saad Ibnu Abi Waqas, iaitu Umar, dan beliau bertanyakan kenapa rombongan keluarga nabi ini ke Kuffah.
- Husin menerangkan keinginan orang Kuffah untuk mengangkat keluarga nabi sebagai ketua Islam.
- Umar Ibnu Saad memberitahu bahawa beliau diarahkan untuk memintas gerakan ini, lalu Sayidina Husin memberitahu kepada ahli rombongan supaya membuat keputusan untuk sama ada terus atau meninggalkan rombongan ini, kerana keadaan sangat genting.
- Umar memberitahu Ibnu Ziyad tentang rancangan Husin, tetapi Ibnu Ziyad memberikan kata dua, sama ada memberikan baiah kepadanya, bagi pihak Yazid, atau berdepan dengan perang.
- Untuk catatan, Karbala' dan Kuffah sangatlah dekat, oleh itu Umar dapat bergerak dengan cepat, lalu memberitahu kepada Sayidina Husin.
- Melihatkan tentang kerasnya tindakan Ibnu Ziyad itu, Husin memberikan tiga pilihan lain, sama ada membenarkannya sahaja ke Mekah, atau berjumpa terus dengan Yazid, atau membuangnya sahaja ke mana-mana kawasan lain.
- Ertinya, tidak mahu pertumpahan darah, dan tidak mahu berbaih dengan Ibnu Ziyad itu.
- Ibnu Ziyad tetap berdegil dengan kata duanya itu tadi, perang atau baih.

- Ada orang kanan Umar ibnu Saad, yang mengatakan bahawa, jika orang-orang Dailamat memberikan tiga pilihan seperti Husin itu pun, kita berkewajipan untuk menerimanya, apatah lagi yang memberi tiga pilihan itu adalah ahli keluarga nabi.
- Keadaan semakin genting, tentera-tentera Umar berada dalam keadaan serba salah, sehinggakan ada sebahagiannya menyebelahi Husin, dan sebahagian besarnya tidak mahu mengangkat pedangnya untuk membunuh keluarga nabi itu.



Karbala' ialah satu kawasan yang terletak berdekatan dengan Kuffah di Iraq. Di sinilah Ibnu Ziyad dan orang-orangnya telah kemudiannya membunuh dengan ramainya, ahli keluarga nabi, termasuk memenggal kepala Sayidina Husin RA sendiri. Anak Sayidina Husin RA, Ali Zainal Abidin yang demam, berada di khemah perempuan dan terselamat daripada pembunuhan, dan dapat meneruskan legasi keluarga nabi kemudiannya.

- Umar sendiri menjadi ketidakpastian, lalu Ibnu Ziyad menghantar orangnya yang terkenal dengan samseng dan ganas, iaitu Syamil Ziljawzan, untuk ke Karbala', memusnahkan keluarga nabi itu.
- Ketika itulah pertempuran berlaku, sehinggakan 70 orang terbunuh, dan 15 daripadanya adalah ahli keluarga rapat nabi, termasuk Husin bin Ali sendiri.
- Dalam keadaan sesiapa pun tidak mahu membunuh Husin, Syamil dan orang kanannya pula, iaitu Sinan Ibnu Anas, telah menghampiri Husin, membunuh serta memenggal kepalanya.
- Husin syahid dengan begitu kejam sekali, dan kepalanya dibawa di dalam dulang untuk penghadapan Ibnu Ziyad.
- Ibnu Ziyad menggunakan kayunya untuk mengetuk-ngetuk kepala Husin itu.
- Anas Ibnu Malik, yang sudah berusia pada ketika itu, sekitar umur 70 tahun, kerana ketika Perang Mu'tah, beliau berusia sekitar 10 tahun, dan pembunuhan di Karbala' ini berlaku pada tahun 10 Muharram 61 Hijrah, tidak dapat menahan perasaannya melihatkan peristiwa itu, kerana pipi dan bibir yang diketuk oleh Ibnu Ziyad itulah merupakan pipi, bibir, dan muka yang dicium oleh Rasulullah SAW pada zaman kecilnya.

- Ibnu Ziyad berjaya akhirnya untuk mengembalikan sokongan orang Kuffah terhadap kekhalifahan Umayyah dibawah Yazid, dan kepala Husin tersebut dihantar ke Yazid.
- Yazid sebenarnya, menurut catatan yang lebih autentik, tidak mengetahui apakah yang berlaku di Karbala' itu secara terperinci, kerana perkara itu diutuskan sendiri oleh Ibnu Ziyad.
- Tidak mungkin Ibnu Ziyad mendapat arahan daripada Yazid, kerana jarak perjalanan antara Kuffah dan Damsyik sangatlah jauh.
- Justeru itu, Ibnu Ziyadlah sebenarnya yang membuat keputusan sehingga terpenggalnya kepala Husin itu.
- Yazid sebenarnya hanya mahukan orang-orang Kuffah kembali tunduk dibawah pemerintahannya.
- Dicatatkan, kepala Husin itu kemudiannya dihantar ke Madinah, dan dikebumikan di sebelah kubur abangnya, Hasan, dan dikatakan badannya dikebumikan di Karbala'.
- Bagi golongan yang tidak bersetuju dengan Ahli Sunnah Wal Jamaah dan menggunakan sumber yang ditulis oleh Abu Mikhnaf Lu' Yahya, iaitu sumber yang dirujuk oleh orang-orang Syiah, khususnya dalam karya Ma'talul Husin (Pembunuhan Husin), meriwayatkan cerita Husin ini dengan sangat berbeza, dan terlalu berlebihan.
- Yazid dibayangkan sebagai musuh Islam, dan Yazid juga dikatakan telah mengarahkan pembunuhan terhadap Husin, dan Yazid juga yang dikatakan telah memukul kepala Husin dengan kayu itu, wallahua'lam.
- Kesan daripada peristiwa ini, orang-orang Kuffah mula merasa menyesal, dan merasakan dirinya berdosa kerana mengkhianati ahli keluarga nabi, iaitu Husin berkenaan.
- Banyak catatan menunjukkan bahawa, orang-orang Kuffah lah yang sewajarnya dipersalahkan terlebih dahulu.
- Misalnya, catatan menunjukkan Ummu Salamah atau Hindun, Isteri nabi yang hidup sewaktu itu, menyalahkan orang Kuffah.
- Hindun terkenal dengan kecerdikannya, ketika pertama kali nabi ke Hudaibiyah, dan pernah para sahabat tidak mahu mengikut arahan nabi kerana tidak berpuas hati dengan keputusan Perjanjian Hudaibiyah yang tidak menyebelahi Islam, Hindunlah yang berada di dalam khemah pada ketika itu, memberikan idea supaya para sahabat menjadi taat.
- Ibnu Umar pernah satu ketika didatangi oleh orang daripada Kuffah, yang bertanya tentang adakah terbatal ihram orang yang telah membunuh nyamuk, dengan mengaitkan mentaliti orang Kuffah yang telah pernah mengkhianat sehinggakan pembunuhan Husin, dengan perkara sekecil pembunuhan nyamuk.
- Orang Kuffah yang menyesal dengan pengkhianatan mereka, kemudiannya menubuhkan gerakan yang dipanggil Tawwabun, dan mereka mahu mengumpulkan kekuatan bagi membunuh Ibnu Ziyad.
- Mereka berasa sangat bersalah, sehinggakan apabila mereka lalu di Karbala', tempat Husin dibunuh itu, mereka memukul diri mereka sendiri sebagai tanda menyesal.
- Gerakan dan perbuatan seperti inilah yang ada sehingga ke hari ini, yang bagi mereka menjadi satu kewajipan dalam akidahnya, yang merupakan satu ajaran dalam kumpulan Syiah itu.
- Malah, menurut Syeikh Yasir Qadhi, gerakan politik menyokong Ali, telah ada lama sebelumnya, tetapi gerakan akidah menyokong keluarga nabi, bermula daripada gerakan Tawwabun ini.

- Ibnu Ziyad sewajarnya dipertanggungjawabkan dalam isu ini, dan Allah SWT Maha Besar lagi Maha Berkuasa.
- Ketika zaman hayatnya, berlaku pemberontakan pimpinan Mokhtar al-Thaqafi, sehinggakan kepala Ibnu Ziyad telah pun dipenggal pula.
- Dalam satu majlis yang disaksikan oleh ramai orang, secara tiba-tiba, seekor ular telah mematuk hidung Ibnu Ziyad lalu masuk ke dalam kepalanya.
- Perkara ini ada dicatatkan dalam hadis riwayat at-Tirmizi, Wallahua'lam.
- Umar Ibnu Saad bin Abi Waqas juga perlu dilibatkan sama dalam isu ini, kerana tidak tegas dengan pendiriannya.
- Yazid yang berada di Damsyik, tidak boleh berlepas tangan kerana sebagaimana yang dibincangkan perkongsian sebelum ini, beliaulah yang mengarahkan Ubaidullah Ibnu Ziyad ini untuk ke Kuffah, dan beliau telah memilih watak yang diketahuinya sangat licik itu.
- Sungguhpun Yazid tidak tahu menahu apa yang berlaku di Karbala' itu, namun beliau tidak mengambil tindakan terhadap Ibnu Ziyad dan orang-orangnya selepas itu.
- Justeru itu, para pengkaji sirah seperti Ibnu Hajar, dan Ibnu Taymiyyah sendiri dalam keadaan tidaklah terlalu melampau, mengecam Yazid, tetapi tetap menyalahkan Yazid dalam isu ini.
- Ada dicatatkan bahawa anak Imam Ahmad, iaitu Abdullah, pernah bertanya kepada beliau, adakah kita wajib menyayangi dan menyanjungi Yazid, lalu dijawab oleh Imam Ahmad, adakah orang-orang yang beriman menyayangi Yazid itu?
- Lalu ditanya oleh anaknya Abdullah itu, adakah kita sepatutnya melaknatinya?
- Lalu dijawab oleh Imam Ahmad, adakah engkau pernah melihat bapamu mengeluarkan ucapan melaknati orang lain?
- Ucapan laknat bolehlah dilakukan secara umum sahaja, tanpa menyebut nama individu itu.
- Keseluruhan keluarga nabi yang lelaki terbunuh dalam peristiwa Karbala' ini, kecuali anak Husin yang demam pada ketika itu, Ali bin Husin, atau yang kemudiannya dipanggil Ali Zainal Abidin, yang berada di dalam khemah perempuan kerana tidak sihat.
- Daripada keturunan inilah kemudiannya, Zaid bin Ali, pada 122 Hijrah, telah dijanjikan oleh orang-orang Kuffah, sokongan untuk mengangkatnya sebagai pemimpin.
- Perkara yang berlaku kepada Sayidina Ali, berlaku kepada Husin, dan berlaku kepada Zaid, iaitu janji orang Kuffah, yang menyebabkan berlakunya gerakan syiah, khususnya dari segi akidahnya.
- Kita sewajarnya menunjukkan rasa sedih dan simpati atas kematian Husin, namun ianya hanyalah satu peristiwa sejarah, bukannya peristiwa akidah.
- Dalam satu hadis, ada disebut bahawa Sayidina Ali pernah berjumpa dengan nabi dalam keadaan kesedihan, lalu ditanya oleh Sayidina Ali, lalu dijawab nabi bahawa Jibril telah memberitahu aku bahawa Husin akan dibunuh oleh umat Islam, berdekatan dengan Sungai Euphrates, dan Jibril telah memberikan pasir tempat Husin dibunuh itu kepadaku.
- Para Tabiin memahami pasir itu datangnya daripada Karbala'.



Orang-orang Kuffah yang menyesali diri mereka kerana tidak menepati janjinya untuk memberi sokongan padu kepada Sayidina Husin begitu insaf dengan kegagalan mereka. Gerakan tawwabun adalah gerakan terawal yang menunjukkan rasa penyesalan, dengan memukul-mukul diri mereka apabila melalui kawasan Karbala', dan seterusnya menjadi sambutan tahunan, yang mana pada setiap 10 Muharram, akan datang dengan ramai, mereka yang terpengaruh dengan gerakan ini, memukul-mukul diri mereka sebagai tanda penyesalan tidak dapat menyokong Sayidina Husin RA itu. Ilustrasi peristiwa memukul ini amat mengerikan, sehingga tidak tergamak untuk kita melihat betapa ngerinya perlakuan itu, dan tentulah tidak sesuai untuk dilihat oleh kanak-kanak juga. Satu pertanyaan kepada kita, mengapakah peristiwa sejarah pembunuhan cucu nabi menjadi satu titik kepada tumbuhnya suatu akidah yang baharu, yang menjadi satu amalan golongan sekumpulan manusia dalam Islam? Wallahua'lam.

- Wallahua'lam, berdasarkan perkongsian ini, insyaAllah kita telahpun dapat mengetahui mulanya gerakan akidah Syiah melalui gerakan Tawwabun, kerana penyesalan orang-orang Kuffah akibat tidak berada di belakang Husin pada saat beliau memerlukan sokongan mereka.
- Bagi kita Ahli Sunnah Wal Jamaah, ahli keluarga nabi itu sangat besar kedudukannya, ia bukan sahaja meliputi keturunan daripada Ali dan Fatimah, tetapi daripada isteri-isteri nabi yang lain, dan daripada cucu-cucu yang lain, serta dari sebelah bapa saudaranya yang lain.
- Zaid adalah cucu-cicit generasi nabi.
- Beliau juga ditolak oleh orang syiah di Kuffah, yang mempunyai slogan memperjuangkan ahli keluarga nabi.
- Wallahua'lam, wabillahi taufiq wal hidayah, wasallallahu ala sayidina muhammad, wa ala alihi wasahbihi wasalim walhamdulillah rabbil alamin.

Perkongsian 9 - Latar Belakang al-Quran dan Surah Yasin

Bismillahirrahmanirrahim

Alhamdulillahirabbil 'alamin

Wa Salatu wa Salamu ala Ashraf al-Ambiya'i wa Imam al-Mursaleen, Sayyidina wa Mawlana Muhammadin wa ala alihi wa sahbihi ajmain

Rabbisyrahli shadri wa yassirlii amri, wahlul 'uqdatam millisani yafqahu qauli

Amma ba'd

- Al-Quran sebagaimana yang kita ketahui adalah kata-kata Allah SWT atau percakapan Allah SWT, atau disebut juga sebagai Kalamullah.
- Di kalangan mazhab akidah, terdapat perdebatan mengenai adakah percakapan Allah SWT ini makhluk ataupun bukan makhluk.
- Khususnya di kalangan Ahli Sunnah Wal Jamaah seperti kita, insyaAllah, kita wajib mempercayainya sebagai bukan makhluk, sungguhpun sesetengah pandangan seperti Muktazilah memahaminya sebagai makhluk.
- Kita telah membincangkan bagaimana Imam Bukhari telah dipulaukan oleh pengikut-pengikut Imam al-Zuhli ketika beliau cuba membahaskan beberapa dimensi kalamullah ini, yang boleh difahami sebagai makhluk dan sebagai bukan makhluk.
- Sekiranya ayat al-Quran itu dibaca oleh kita dan keluar dari mulut kita, ianya boleh difahami sebagai makhluk, sebagaimana kita menulis ayat al-Quran, iaitu dakwat dan kertas itu adalah makhluk.
- Syeikh Yasir Qadhi sebagaimana yang kita pernah sebut, memberi contoh bahawa siapakah yang menyebut "To be or not to be, that is the question".
- Hakikatnya, Shakespeare yang mengatakannya, namun dalam konteks ini, yang menyebutnya adalah Syeikh Yasir Qadhi manakala dalam perkongsian kita, ialah kita sendiri.
- Al-Quran ini mempunyai 114 surah yang dimulakan dengan Surah al-Fatihah dan disudahi dengan Surah an-Nas.
- Untuk catatan, pada zaman nabi, Zaid bin Thabit telah diarahkan untuk mendalami bahasa yang digunakan oleh orang-orang Yahudi di Madinah bagi memastikan tiada muslihat yang tidak diketahui oleh orang Islam berkaitan dengan orang Yahudi berkenaan.
- Ini kerana dalam al-Quran terdapat banyak kisah-kisah yang melibatkan Bani Israil dan orang Yahudi.
- Zaid bin Thabit telah diarahkan oleh baginda untuk menyusun surah-surah dalam al-Quran.
- al-Quran yang kita ada pada hari ini adalah sumbangan daripada susunan Zaid bin Thabit yang kemudiannya dibukukan pada zaman Khalifah Uthman RA.
- Sungguhpun ada catatan yang menyebut bahawa sesetengah sahabat lain seperti Ibnu Mas'ud, menyusunnya secara agak berbeza, namun selepas ianya dibukukan pada zaman Khalifah Uthman RA berkenaan, ulama' bersepakat bahawa susunan itulah sahaja yang sewajarnya semua umat Islam ikuti.
- Kita juga tahu bahawa terdapat 30 juzuk dalam al-Quran, yang puratanya sebanyak 20 halaman setiap satu juzuk, dan dalam 114 Surah berkenaan, keseluruhannya terdapat 6236 ayat walaupun ada yang menyatakan sebanyak 6666.
- Perkataan "Wala ya talattaf" dalam surah al-Kahfi merupakan perkataan yang terdapat di pertengahan al-Quran, wallahua'lam.
- Terdapat satu hadis yang diriwayatkan oleh Wathilah al-Aqsa' yang antara lain menyebut bahawa baginda ada memberitahu bahawa al-Quran yang diturunkan

kepadanya itu mengandung 7 surah panjang, yang memberi mesej yang terdapat dalam taurat, iaitu mesej mengenai hukum-hakam.


- 7 Surah berkenaan bermula daripada surah al-Baqarah (2), al-Imran (3), an-Nisa (4), al-Maidah (5), al-An'am (6), al-A'raf (7), sehinggalah surah at-Taubah (9) yang ketujuh, dan menurut pandangan sesetengah ulama', sebahagian daripada surah al-Anfal (8).
- Nabi juga diberikan surah-surah yang diturunkan kepada Nabi Daud, berbentuk Psalm, atau al-Ma'in, dari surah Yunus sehinggalah kepada Surah al-Fattr.
- Surah-surah ini rata-ratanya adalah mengenai puji-pujian kepada Allah SWT.
- Nabi juga diberikan mesej sebagaimana yang terdapat dalam Kitab Injil Nabi Isa, mulai dari Surah Yasin, sehinggalah kepada Surah Hujurat, yang dipanggil al-Masani.
- Kemudian, nabi dilebihkan oleh Allah SWT dengan selain daripada tiga di atas, dengan surah-surah yang dipanggil al-Mufassal, yakni Surah yang ayatnya pendek-pendek.
- Mulai Surah Qaf, sehinggalah surah an-Nas.
- Hadis mengenai pembahagian al-Quran ini, menurut Syeikh Yasir Qadhi, adalah autentik
- Sebagaimana yang kita ketahui, ayat al-Quran itu dibahagikan kepada dua, iaitu yang turunnya di Mekah, dan yang turunnya pada Zaman Madinah.
- Surah-surah yang diturunkan di Mekah secara amnya membincangkan tiga perkara pokok iaitu mengenai ketuhanan (tauhid), kerasulan, dan hari akhirat berserta kisah-kisah nabi sebelumnya.
- Sebagaimana yang kita pernah bincangkan dahulu, surah Yusuf yang menceritakan kisah nabi, merupakan satu-satunya surah yang panjang yang turun di penghujung Zaman Mekah.
- Begitulah halnya dengan kisah Nabi Musa, Nabi Ibrahim dan lain-lainnya.
- Surah yang diturunkan di Madinah, adalah surah-surah mengenai hukum fekah atau hukum syariah yang lain, baik mengenai puasa, zakat, menutup aurat, haji, dan lain-lainnya.
- Kita juga perlu faham bahawa terdapat mushaf atau al-Quran, yang berbeza dari segi pembacaannya, misalnya al-Quran yang dicetak di Arab Saudi, dan al-Quran yang dicetak di India dan Pakistan.



Para ulama' membahagikan 114 surah dalam al-Quran ini kepada 3 perkara penting, iaitu 1. tauhid, 2. hukum-hakam dan 3. kisah-kisah nabi dan perihal syurga neraka. Banyakkanlah membacanya bagi melembutkan hati kita, Amin.

- Baru-baru ini abah menghadiri program cinta al-Quran anjuran fakulti, penceramah menerangkan tentang cara membaca lhdinas, dalam surah al-Fatihah, yang mana tiada tanda baris pada huruf Alif.
- Seingat abah, semasa kecil-kecil dahulu ada tanda baris, dan rupa-rupanya al-Quran yang dibaca itu adalah versi Resam Uthmani Indonesia.
- Sekiranya ianya al-Quran versi Resam Uthmani Malaysia, pada huruf Alif itu tiada tanda baris.
- Sebahagian terjemahan al-Quran yang kita baca adalah versi Resam Uthmani Indonesia.
- Apabila al-Quran ini diterjemahkan dalam pelbagai bahasa, baik bahasa melayu (BACAAN) dengan keseluruhannya, bukan Bahasa Arab, misalnya bahasa lain seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Urdu dan lain-lainnya, maka kita akan mendapati terjemahan pada surah-surah itu berbeza, ini bukan sahaja kerana adanya resam berbeza, tetapi di kalangan para sahabat dahulu pun menyebut nama surah dalam al-Quran secara berbeza.
- Contoh yang ketara, Ibnu Abbas menyebut Surah al-Hashr sebagai Surah Bani Nadir, kerana kandungannya adalah mengenai *expulsion* terhadap Bani Nadir.
- Ini tidak termasuk resam-resam lain seperti Resam Imla'i
- Kita juga boleh lihat nama-nama al-Quran yang berbeza pada Resam Uthmani Malaysia dan Resam Uthmani Indonesia, sebagai contohnya al-Masad versi Resam Uthmani Malaysia yang disebut sebagai al-Lahab dalam versi Resam Uthmani Indonesia.
- Mungkin elok juga sebagai tambahan, kita sebut tentang ada sesetengah umat Islam yang memahami jumlah keseluruhan surah sebanyak 113, bukannya 114, kerana mereka menggabungkan Surah al-Anfal dengan surah at-Taubah.

- Ini kerana, ada catatan daripada Sayidina Uthman sendiri yang mengatakan bahawa tiadanya Bismillah itu kerana beliau tidak dapat memastikan secara putus bahawa al-Anfal dan at-Taubah itu Surah yang berbeza ataupun tidak, kerana kandungannya adalah sama, iaitu tentang perang, namun sebagaimana yang kita ketahui, rata-ratanya tiada kalimah Basmalah pada Surah at-Taubah itu dirujuk kepada apa yang pernah disebut Sayidina Ali RA, bahawa tidak sesuai untuk memulakan Surah yang dirujuk oleh golongan yang tidak disukai Allah SWT dengan basmalah itu.
- Surah Yasin adalah Surah yang ke-36 di dalam al-Quran.
- Ianya hanyalah sebanyak 6 lembaran, mengandungi 83 ayat, khususnya mengenai hari kebangkitan semula, dan kedegilan orang-orang Quraisy yang tidak meyakini tentang hari kebangkitan berkenaan.
- Sebagaimana yang kita sebut tadi, setiap satu surah itu mempunyai pelbagai nama, dan Surah Yasin juga dinamai dengan beberapa nama lain oleh para sahabat.
- Antara nama itu termasuklah Mudhafiah, iaitu yang menepis atau menolak kejahatan, al-Qadiyah yang mengkabulkan, dan al-Muammimah (The enveloper), atau yang menyelubungi rahmahnya.
- Untuk catatan juga, nama-nama Surah tidak diberikan secara khusus oleh baginda, melainkan kepada beberapa surah sahaja.
- Sebagai contoh, nama Surah al-Baqarah dan Surah al-Imran pernah disebut oleh nabi, sebagaimana yang ada dalam catatan Imam Bukhari.
- Namun, Surah al-Mulk atau sesetengahnya yang lain menyebut Surah Tabaraq tidak diberikan oleh nabi, hanya nabi pernah menyebut sebagaimana dalam hadisnya, barangsiapa membaca satu surah dalam al-Quran, yang mempunyai 30 ayat, yang bermula dengan Tabarakalladzi bi yadihil mulku wa huwa 'alaa kulli syai-in qadir akan terlepas daripada seksa kubur, wallahua'lam.
- Kita mungkin pernah terdengar bahawa ada orang menyebut bahawa Surah Yasin ini adalah kalbu (hati atau jantung) kepada al-Quran.
- Mungkin ini disebabkan adanya beberapa hadis yang menyebut perkataan kalbu berkenaan.



Surah Yasin adalah Surah yang ke 36, sebanyak 83 ayat. Ianya merupakan wahyu yang menceritakan tentang kedegilan orang-orang musyrikin untuk mempercayai adanya hari kebangkitan semula atau kiamat. Walaupun telah diberikan peringatan berdasarkan sejarah Antakiyyah (kawasan di Turki), dan walaupun telah diberikan tanda-tanda kebesaran Allah SWT di hadapan matanya, baik di bumi, di angkasa, mahupun di lautan. Surah ini menceritakan

bahawa nabi itu bukannya penyair, tetapi menerima wahyu daripada Allah SWT untuk menunjukkan jalan yang benar kepada makhluk manusia. Banyak-banyakkanlah kita membaca Surah Yasin, kerana ada hadis yang menyebut, barangsiapa membaca Surah Yasin, maka diampunkan dosanya yang lalu.

- Namun, menurut Syeikh Yasir Qadhi dan Ustadh Nouman Ali Khan serta ulama-ulama lain, hadis-hadis yang dirujuk dengan kalbu itu sebahagiannya adalah hadis yang lemah.
- Sebagai contoh, hadis yang pernah diriwayatkan oleh Anas bin Malik, dan Ma'qal.
- Anas bin Malik menyebut, antara lain, sebagaimana yang diriwayatkan oleh at-Tirmizi, bahawa Yasin adalah kalbu, dan barangsiapa membaca Yasin, maka diberikan ganjaran 10 kali membaca al-Quran, manakala hadis Ma'qal pula antara lain, menyebut tentang ianya sebagai kalbu al-Quran dan kelebihan membacanya ketika nazak, Riwayat Sunan Abi Daud dan musnad Ahmad.
- Namun, sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam at-Tirmizi, ada sanad yang tidak pasti, iaitu Harun atau Abu Muhammad, justeru hadis ini menjadi lemah.
- Imam at-Tirmizi sendiri mengakui bahawa sanadnya lemah, sebagaimana yang disebut oleh Syeikh Yasir Qadhi.
- Menurut satu catatan, Hudaib Ibnu Harith as-Sumari, iaitu salah seorang sahabat nabi, ketika nazak, pernah meminta sesiapa yang menghafal Yasin untuk membacanya.
- Pada ketika itu, Salleh, anak muda, membaca surah berkenaan dan pada ayat ke 40, Hudaib pun meninggal dunia.
- Ini bukanlah hadis, tetapi Hudaib adalah sahabat nabi. Salleh menyebut bahawa orang-orang dahulu ada menyebut barangsiapa membaca surah Yasin ketika orang sedang nazak, maka dipermudahkan pemergiannya.
- Hadis-hadis di atas dikatakan sangat lemah.
- Sungguhpun begitu, ada hadis yang hanya sedikit lemahnya, melalui Hasan al-Basri dan Abu Hurairah, tentang siapa yang membaca Yasin akan dihapuskan dosa-dosanya yang lalu.
- Hadis ini sedikit lemah kerana Hasan al-Basri yang berada di Basrah lahir kira-kira 21 Hijrah, dan meninggal 110 Hijrah, manakala Abu Hurairah meninggal dunia pada 50 Hijrah di Madinah.
- Ada catatan yang menunjukkan bahawa Hasan al-Basri hanya sampai ke Madinah selepas tahun 50 Hijrah, dan ini tidak memungkinkan beliau mendengar langsung hadis itu daripada Abu Hurairah.
- Abu Hurairah adalah sahabat, dan Hasan al-Basri adalah Tabi'in.
- Oleh kerana pada zaman itu tidak ada siapa yang berani untuk memesong atau memutarbelitkan kata-kata nabi, maka meskipun hadis ini sedikit lemah, ianya diterima oleh majoriti ulama tentang kebolehpakaiannya.
- Secara prinsipnya, terdapat tiga syarat yang membolehkan hadis lemah atau daif digunapakai.
- Pertama, ianya sangat sedikit lemah atau daif.
- Keduanya, hanya digunakan untuk beramal bagi maksud fadhilat atau mendapatkan ganjaran.
- Hadis seperti ini tidak boleh digunakan untuk perbincangan akidah atau tentang hukum-hakam, seperti wajib dan haram.
- Syarat yang ketiga pula, sesiapa yang hendak menggunakan hadis ini atau menerangkan tentang kebaikan hadis ini, harus juga menerangkan tentang kedudukan sedikit daif hadis berkenaan.

- Terdapat beberapa perbincangan tentang sebab turunnya Surah Yasin, dua sebab yang biasa dibincangkan ialah Abu Jahal pernah berang terhadap Nabi Muhammad SAW, lalu pergi untuk mengapa-apakan baginda.
 - Lalu turun ayat:
وَجَعَلْنَا مِنْ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ سَدًّا وَمِنْ خَلْفِهِمْ سَدًّا فَأَغْشَيْنَاهُمْ فَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ
 - Ayat yang menyekat pandangan Abu Jahal, sehinggakan beliau tidak nampak di mana nabi ketika itu.
 - Perlulah difahami bahawa, tidak seperti Surah Yusuf yang pernah kita bincangkan dahulu, keseluruhan ayatnya diturunkan secara sekaligus, tetapi Surah Yasin dan surah-surah yang lain biasanya, diturunkan berdasarkan sebab-sebab dalam konteks dan masa yang lain.
 - Sebahagian lagi Surah Yasin diturunkan apabila al-As bin Wa'il, bapa Amru, (atau dalam catatan lain, Ubai bin Khalaf) pernah membawa tulang binatang yang telah usang ke depan muka nabi, mengatakan adakah tulang ini juga akan dihidupkan semula, maka turun wahyu tentang Allah SWT menegaskan bahawa semua yang mati akan dihidupkan semula di akhirat nanti, sebagaimana yang terdapat di bahagian akhir Surah Yasin.
 - Nabi ketika hijrah, pernah membaca Surah Yasin, sehinggakan orang-orang yang mengepung dirinya tidak dapat melihat baginda.
 - Terdapat perbincangan yang berbeza pada ayat 12 Surah Yasin, tentang tiap-tiap langkah manusia akan dikira, dan kaitannya dengan Bani Salamah.
 - Ada sesetengah catatan yang menerangkan bahawa ayat ini diturunkan di Madinah, kerana orang-orang Bani Salamah ingin berpindah berhampiran dengan masjid baginda.
 - Nabi tidak membenarkan mereka, kerana setiap langkah yang mereka bergerak akan dikira.
 - Syeikh Yasir Qadhi menyebut bahawa ayat 12 ini sememangnya telah diturunkan pada zaman Mekah, namun oleh kerana konteksnya sama, nabi membaca ayat 12, bagi mengulas cadangan orang Bani Salamah berkenaan.
 - Ayat ini telahpun turun di Mekah dahulu.
 - InsyaAllah, pada perkongsian yang akan datang, kita akan cuba membincangkan kandungan Surah Yasin, sebagaimana yang ada ditafsirkan oleh beberapa orang ulama', termasuk yang dibincangkan oleh Ustadh Nouman Ali Khan, dan Syeikh Yasir Qadhi tadi, dan di bawah ini dicatatkan topik-topiknya sahaja terlebih dahulu, seperti berikut:
1. Fungsi al-Quran diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w.'
 2. Kebanyakan orang kafir pasti mendapatkan azab kerana tidak mengendahkan peringatan Allah
 3. Peringatan hanya berguna bagi orang yang takut kepada Allah
 4. Kisah penduduk sebuah kota yang harus menjadi pelajaran bagi penduduk Mekah
 5. Penyesalan orang-orang yang tidak beriman
 6. Tanda-tanda kekuasaan Allah s.w.t.
 7. Celaan Allah terhadap orang-orang tidak beriman
 8. Muhammad s.a.w. Bukan seorang penyair
 9. Kekuasaan Allah s.w.t. Membangkitkan manusia di hari Kiamat
- Mudah-mudahan kita mendapat keberkatan daripadanya nanti InsyaAllah.
 - Wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

Perkongsian 10 - 10 Individu yang Dijanjikan Syurga dan Said Ibnu Zaid

- Bismillahirrahmanirrahim
- Alhamdulillahirabbil alamin, wassalatuwassalamu ala asyrafil anbiya iwal mursalin
- Wa ala alihi wasahbihi ajmain, amma ba'd.
- Banyaklah kita beristighfar kepada Allah SWT, kerana Nabi Muhammad SAW sendiri pun diberitahu sekurang-kurangnya 70 kali sehari.
- Pada kesempatan kali ini, kita akan membincangkan tentang Asyara Mubasyarah, 10 individu yang diberikan berita gembira, yakni syurga.
- Nabi Muhammad SAW sendiri diberi nama Mubassir, iaitu pemberitahu berita gembira
- Di dalam al-Quran, banyak disebut tentang A'sir, yakni berita gembira.
- Dalam Surah al-Kahfi, banyak disebut perkataan yang berkaitan dengan Mubassyirin dan Munzirun, iaitu yang memberi berita gembira dan peringatan.
- Siapakah 10 individu itu, dan apakah keistimewaan mereka?
- Pada kesempatan ini kita mungkin tidak dapat membincangkan kesemuanya, tetapi sebaliknya membincangkan tokoh yang jarang disebut tetapi diketahui antara 10 individu itu, iaitu sahabat nabi bernama Said Ibnu Zaid.
- Sebenarnya, banyak hadis nabi yang memberikan janji syurga, misalnya sesiapa yang mengucapkan kalimah La ila ha llallah dengan ikhlas, dijanjikan syurga.
- Bilal bin Rabah pernah disebut, tapak kakinya didengari di syurga, Fatimah, Husin, Hasan, Jaafar, masing-masingnya pernah disebut sebagai ahli syurga.
- Namun begitu, 10 individu yang dijanjikan syurga ini disebut secara khusus dalam hadis-hadis nabi, baik yang terdapat dalam Sunan Tirmizi mahupun Sunan Ahmad.
- Sebagai contohnya, Abdurrahman bin Auf sebagaimana yang dicatatkan Imam Tirmizi, ada menyebut bahawa 10 yang berikut, iaitu:

1. Abu Bakar
2. Umar
3. Uthman
4. Ali
5. Talhah
6. Zubair
7. Abdurrahman
8. Ubaidullah Ibnu Jarrah
9. Saad Ibnu Waqas
10. Said Ibnu Zaid

• Dijanjikan syurga, sebagaimana yang dicatit dalam hadis 1650 Musnad Imam Ahmad. Pernah satu ketika, gabenor Kuffah, Mughairah Ibnu Syu'bah yang memberikan keistimewaan kepada Said Ibnu Zaid untuk duduk sama tinggi dengannya didatangi oleh seorang yang mencemuh individu, dan individu yang dicemuh itu ialah Sayidina Ali RA.

- Lalu Said Ibnu Zaid memberitahu, kenapa dibiarkan, lalu beliau membacakan hadis yang sama yang disebut oleh Abdurrahman bin Auf diatas tadi.
- Pada tahun 50 Hijrah, ada seorang perempuan yang dikatakan sangat tamak dengan hartam bernama Asma', menuduh seorang sahabat nabi yang istimewa, yang telah mengambil atau merampas tanahnya, lalu membina tembok dikawasan tanahnya.
- Wanita itu mengadakan kesnya ke gabenor Madinah, Marwan Ibnu Hakam, menuduh dan menuntut haknya keatas tanah berkenaan.

- Lalu peristiwa ini menjadi besar, pegawai Marwan datang berjumpa dengan sahabat nabi, lalu sahabat nabi ini membaca salah satu hadis yang mengatakan bahawa syahid bagi sesiapa yang mempertahankan property-nya, dan barangsiapa yang mengambil walaupun sejenkal tanah hak orang lain sekalipun, akan dibalas dengan 7 kali berat seksaan sebesar bumi ini, wallahua'lam.
- Sahabat nabi ini tidak mahu memanjangkan isu ini, lalu memberikan sahaja tanah berkenaan kepada wanita berkenaan, lalu merobohkan tembok dan membina rumahnya, sambil membina tembok di bahagian yang lain.
- seraya berdoa sekiranya wanita itu menipu, maka Ya Allah, engkau butakanlah matanya.
- Dengan izin Allah SWT, wanita ini telah jatuh sakit dan menjadi buta dalam tempoh yang lama.
- Pada satu ketika di sebelah malam, pembantunya tidak ada di rumah, dan beliau keluar untuk mencari pembantunya, lalu termasuk ke sebuah perigi yang dalam.
- Tidak ada sesiapa yang dapat mengeluarkannya, lalu perigi itu menjadi kuburnya.
- Sahabat nabi itu ialah Said bin Zaid, yang merupakan salah seorang daripada sahabat yang dijanjikan syurga.
- Siapakah Said ini?



Sebelum mendapat wahyu, sememangnya ada orang Quraisy yang terus mengamalkan ajaran Nabi Ibrahim AS. Mereka ini dipanggil golongan Hanif. Zaid bin Amir bin Nufail adalah bapa kepada Said, sahabat nabi. Bapanya telah meninggal dunia sebelum zaman kerasulan nabi sewaktu baginda berusia 35 tahun. Said pernah meminta nabi mendoakan bapanya, yang merupakan penganut ajaran Hanif, terus kepada Nabi Ibrahim, untuk masuk ke syurga, dan nabi telah mendoakan bapanya. Ulama' menyebut, sesiapa yang percaya dan yakin kepada Allah SWT dan berkelakuan baik, sebelum kerasulan nabi, seperti Zaid, bapa Said, mereka adalah dikalangan orang yang berada di jalan yang benar, wallahua'lam.

- Untuk memahami beliau, kita haruslah mengaitkan perbincangan kita dengan Zaid bin Amir bin Nufail, Habbab al-Arad, dan Umar al-Khattab.

- Ibnu Ishak pernah mencatatkan, pada zaman Jahiliyah, hampir keseluruhan orang Quraisy meninggalkan Kaabah atau Kota Mekah, untuk menyambut perayaan menyembah berhala di luar kota, dan hanya ada 4 orang sahaja yang tidak mahu turut serta, mereka ialah Waraqah Ibnu Naufal, yang terkenal sebagai individu yang tahu kitab taurat, dan nabi pernah berjumpa bersama-sama Khadijah dengannya, ketika mendapat wahyu.
- Selain itu, Ubaidullah Ibnu Jahsy dan Uthman bin Khuwailid yang kemudiannya menganut agama kristian, dan hanya Zaid Bin Amir bin Nufail sahaja, meskipun mengetahui banyak tentang agama lain, tetapi tidak memilih ajaran berkenaan kerana beliau yakin dengan kalimah La ila ha ilallah, meskipun pada masa itu tiada nabi yang beliau rujuk.
- Anak Abu Bakar, Asma', pernah memberitahu bahawa Zaid pernah satu ketika semasa berada di Kaabah, memberitahu orang-orang Musyrikin bahawa tidak ada lagi orang yang mengikut ajaran Ibrahim dan Ismail melainkan beliau.
- Justeru, Ibrahim dan Ismail tidaklah menyembah berhala.
- Beliau pernah ditemui oleh nabi ketika baginda masih muda, dan memberitahu beliau tidak makan daging yang digunakan untuk sembah berhala.
- Beliau pernah diberitahu oleh hermit, atau monk, atau pendeta, bahawa akan datang daripada kaummu seorang nabi.
- Dan beliau sendiri pernah memberitahu saudara angkatnya daripada Yaman, Amir bin Rabiah, supaya menyampaikan salam kepada nabi sekiranya beliau tidak dapat menemuinya.
- Zaid meninggal dunia ketika nabi berusia 23 tahun, iaitu sebelum nabi mendapat wahyu.
- Daripada Zaid inilah kemudiannya lahir Said yang kita ceritakan tadi.
- Said antara orang yang awal memeluk agama Islam pada zaman Mekah, ketika berusia 13 atau 14 tahun, berkahwin dengan adik Umar, Fatimah al-Khattab.
- Mereka diajar oleh Habbab Ibnu Arrad yang telah memeluk Islam lebih awal.
- Habbab adalah hamba kepada Ummu Amar, catatan ada menyebut bahawa beliau pernah diseksa oleh tuannya dengan besi panas, kerana kerjanya adalah memintal besi.
- Dengan izin Allah, Ummu Amar telah mendapat penyakit kulit, dan diberitahu, hanya dengan besi panas sahajalah kulit-kulit berkenaan dapat disembuhkan.
- Jika kita masih ingat, ketika Habbab sedang mengajar Said dan Fatimah, Umar al-Khattab datang dengan berangnya.
- Umar yang tidak berpuas hati, kerana Nabi Muhammad SAW semakin mendapat sokongan yang ramai, menghayun-hayunkan pedangnya untuk membunuh Nabi Muhammad SAW, lalu Mu'im memberitahu, tidakkah engkau ketahui ahli keluargamu sendiri telah memeluk agama Islam.
- Lalu beliau pergi ke rumah Fatimah, yang sedang membaca ayat-ayat al-Quran, masing-masingnya kecut perut kerana takutkan Umar, lalu menyorokkan bahan bacaan al-Quran berkenaan.
- Habbab yang sedang mengajar pada ketika itu, bersembunyi di sebalik tirai.
- Umar masuk, lalu cuba untuk menumbuk atau memukul Said, lalu cuba dihadang oleh Fatimah, yang menyebabkan Fatimah berdarah.
- Umar lalu mahu melihat apakah benda yang dibaca oleh mereka.
- Sesetengah catatan, mereka membenarkan sekiranya Umar membersihkan diri terlebih dahulu, dan akhirnya bahan daripada al-Quran berkenaan, iaitu daripada Surah Taha dibaca oleh beliau sehinggakan beliau berasa begitu tertarik.

- Habbab yang berada di balik tirai keluar, melihat Umar mula tertarik dengan Islam, lalu memberitahu bahawa Nabi Muhammad SAW telah berdoa memohon kepada Allah SWT bahawa salah seorang daripada Umar akan memeluk Islam.
- Pada ketika itu, ada dua Umar, iaitu Umar al-Khattab, atau Abu Jahal, yang nama sebenarnya ialah Umar Ibnu Syams, dan dengan Izin Allah SWT, Umar al-Khattab telah dipilih untuk memeluk agama Islam, dan mereka semuanya ke rumah al-Arqam berjumpa nabi, untuk memberitahu pengislaman Umar.
- Pada ketika itu, sebagaimana yang kita pernah bincang, Hamzah telah berada bersama-sama dengan nabi memeluk agama Islam.
- Said bukan sahaja adik ipar, tetapi mempunyai hubungan kekeluargaan daripada pelbagai segi.
- Umar al-Khattab bin Naufil, dan Said bin Zaid bin Amar bin Naufil, dan disebabkan oleh perkahwinan pada zaman Jahiliyah dahulu, mereka juga mempunyai satu hubungan kekeluargaan lain yang sangat rapat.
- Said terkenal dengan waraknya, dan terkenal dengan sikap tidak mahu menonjol-nonjolkan diri, maka tidak hairanlah sekiranya tidak ramai yang mengetahui tentangnya, dan tidak banyak pula catatan tentangnya.
- Beliau sendiri dikatakan hanya meriwayatkan kira-kira 5-6 hadis sahaja, sedangkan Abu Hurairah meriwayatkan beribu-ribu hadis.
- Beliau adalah al-Badriyyun, meskipun tidak terlibat sama dalam Perang Badar, Said dan Talhah telah diarahkan untuk mengintip Kafilah yang diarahkan oleh Abu Sufian, dan kafilah ini telah berjaya melepaskan diri daripada tahanan orang Islam.
- Said kemudiannya menyertai pelbagai Ghazwah dan Sariyah, sehinggalah baginda wafat.
- Semasa pemerintahan Umar, Ubaidullah Ibnu Jarrah telah dihantar sebagai pemimpin untuk memerangi orang-orang Rom, selain daripada sahabat yang lain, Said bin Zaid telah menunjukkan keberaniannya, dan melalui semangatnyalah, pasukan Islam yang lain menjadi berani, yang akhirnya dalam peperangan Yarmuk ini, meskipun dengan 24,000 melawan lebih 100,000, pasukan Islam telah berjaya.
- Said telah diangkat menjadi pemimpin atau gabenor pertama di Damsyik, sebelum diwarisi oleh Yazid, abang Muawiyah, dan kemudiannya Muawiyah bin Abu Sufian sendiri, sebelum melantik anaknya bernama Yazid juga menjadi khalifah kemudiannya.
- Said sebagaimana Umar, adalah daripada puak Bani Adi.
- Ketika Umar hampir wafat, beliau telah menubuhkan jawatankuasa untuk memilih penggantinya.
- Sesetengahnya merasa hairan mengapa Said tidak dipilih sebagai salah seorang jawatankuasa pemilihan khalifah berkenaan.
- Para pengkaji sirah seperti az-Zahabi menyebut bahawa tindakan Umar berkenaan wajar untuk mengelakkan tuduhan pilih kasih, kerana melantik saudara terdekat.
- Lagipun Umar tentu tahu Said tidak berminat untuk menonjolkan dirinya, lebih suka mendiamkan diri untuk beribadat dan berserah kepada Allah SWT.
- Umar sendiri tidak membenarkan anaknya untuk turut campur dalam pemilihan khalifah berkenaan.
- Sebagai individu yang memeluk Islam pada peringkat awal, khususnya pada khalifah Umar, mereka diberikan ganjaran besar sama seperti isteri-isteri nabi.
- Oleh itu, beliau telah diberikan beberapa kawasan tanah, namun beliau hanya mengambil satu kawasan di luar Madinah yang dipanggil Wadi Aqi.
- Pada tahun 50 Hijrah, Zaman pemerintahan Muawiyah, Hasan cucu nabi telah meninggal dunia, dan Muawiyah telah menamakan anaknya, Yazid sebagai penggantinya.

- Kita pernah menyebut bahawa di Madinah, Husin yang terbunuh di Karbala telah diminta untuk memberikan baiah kepada Marwan al-Hakam, yang pada ketika itu adalah gabenor di Madinah.
- Selain daripada Husin, Said juga diminta untuk memberikan baiah bagi pihak Yazid.



Ini bukanlah gambar Said bin Zaid, sahabat yang dijanjikan syurga, tetapi orang yang dijanjikan syurga seperti Said, dimakbulkan doanya. Janganlah kita hendaknya, suka memperlekeh-lekehkan golongan ulama' kerana ulama' itu adalah waris para nabi. Kita sewajarnya bukan sahaja menuntut ilmu, tetapi juga cuba setidak-tidaknya mendampingi mereka. Mudah-mudahan kita juga dimasukkan ke syurga sebagaimana 10 yang dijanjikan syurga itu.

- Namun begitu, Said antara lain, menyebut bahawa Muawiyah dan orang-orangnya adalah orang kafir yang kami perangi pada zaman nabi dahulu, dan hanya memeluk Islam dalam tempo kebelakangan ini.
- Dan adakah kamu mahu kami memberikan baiah mengangkat kamu sebagai pemimpin negara Islam?
- Pendeknya, tidak ada apa yang dapat dibuat oleh pegawai-pegawai Marwan untuk meyakinkan para sahabat untuk memberikan baiah kepada Yazid itu.
- Beliau amat dihormati dan disegani kerana ibadahnya, dan telah meninggal dunia pada tahun 51 Hijrah, meninggalkan 30 orang anak daripada 10 orang perempuan (isteri dan hamba perempuan).
- Jenazahnya telah dimandikan oleh saudara rapatnya, anak kepada Umar, iaitu Ibnu Umar, dan disembahyangkan oleh salah seorang daripada individu yang dijanjikan syurga, yang pada waktu itu lama hidup iaitu Saad bin Abi Waqas.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com

- InsyaAllah, 10 'Asyara Mubasyarah yang dijanjikan syurga itu kesemuanya adalah dari kalangan Quraisy yang telah berjasa kepada umat Islam sejak awal Mekah lagi.
- Mereka inilah disebut sebagai Assabiun wal-awwalun, iaitu yang paling awal dari segi masanya, dan awal juga dari segi perebutan ganjarannya.
- Mudah-mudahan daripada perkongsian ini kita dapat serba sedikit menambah ilmu kita, sekaligus juga belajar untuk menghormati orang-orang alim, kerana dalam perkongsian ini kita tahu bahawa doa Said atau doa orang-orang alim yang dizalimi amat mudah dimakbulkan Allah SWT.
- Wabillahitaufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, walhamdulillahirabbil alamin.

Perkongsian 11-Bagaimana Kita Selepas Berpuasa di Bulan Ramadhan

Bismillahirrahmanirrahim.

- Bersyukur kita kepada Allah.
- Sebagaimana yang pernah disebut oleh Imam Syafie, iaitu kita bersyukur kerana Allah-lah yang membolehkan kita menjadi hamba yang bersyukur.
- Kita pernah membincangkan tentang Ramadhan serta jihad melawan hawa nafsu. InsyaAllah, setelah Ramadhan berlalu, eloklah kita bertanya diri kita bagaimanakah kita setelah berpuasa di bulan Ramadhan itu.
- Mungkin agaknya jika diberikan gred kedudukan iman sehari sebelum berpuasa, kita berada pada kategori B dan apabila setelah berpuasa, bertadarus, bertarawih dan bermunajad, di penghujung Ramadhan mudah-mudahan gred iman kita meningkat menjadi A+, lebih-lebih lagi jika kita diberi rahmat untuk bertemu lailatul qadar.
- Kejayaan kita mendapat A+ mungkin boleh diibaratkan sebagai seorang wanita yang akhirnya berjaya menyiapkan sulaman yang indah sedikit demi sedikit dari hari yang pertama berpuasa sehinggalah ke penghujung Ramadhan itu.



Jangan kita membuka sulaman yang sudah indah kerana proses hendak menyiapkan sulaman itu mengambil masa. Begitulah juga halnya jangan kita merugikan rahmat yang kita perolehi daripada kesungguhan berpuasa dan beribadat dalam bulan Ramadhan kerana kesempatan yang ada hanyalah seketika. Mudah-mudahan ibadah puasa kita diterima Allah SWT.

- Mungkin elok kita tanya mengapakah iman kita meningkat – jika tidak menjadi A+, kita tahu selain melakukan ibadat-ibadat di atas, kita telah menjauhi beberapa kelemahan atau ‘maksiat’ ketika di bulan puasa itu.
- Kita tidak atau kurang mengumpat, kita kurang atau tidak merokok yang biasanya bagi lelaki dan banyak lagi.
- Sebagaimana yang kita ketahui, pada bulan puasa itu kejahatan syaitan telahpun terantai.
- Syaitan adalah nama yang diberikan kepada konco-konco iblis yang kerjanya utuk menghasut dan melemahkan iman kita bagi membolehkan kita terjerumus di lembah kehinaan.
- Dalam Surah Al-Kahfi, ayat 50 ada diterangkan asal keturunan iblis ini, iaitu daripada keluarga jin yang dijadikan daripada api.
“Dan (ingatlah) ketika Kami berfirman kepada para malaikat: "Sujudlah kamu kepada Adam, maka sujudlah mereka kecuali Iblis. Dia adalah dari golongan jin, maka ia mendurhakai perintah Tuhannya. Patutkah kamu mengambil dia dan turunan-turunannya sebagai pemimpin selain daripada-Ku, sedang mereka adalah musuhmu? Amat buruklah Iblis itu sebagai pengganti (dari Allah) bagi orang-orang yang zalim.” (Surah al-Kahfi: 50)
- Wanita yang disebut tadi mungkin tidak dapat menyiapkan sulamannya yang indah itu sekiranya syaitan ini tidak dibelenggu atau dirantai kerana dia tidak boleh menyempurnakan ibadat-ibadat seperti tadarus dan tarawih, dari hari pertama hinggalah ke penghujung Ramadhan itu.
- Selain daripada dirantainya konco-konco iblis itu, salah satu sebab lagi kita dapat melakukan ibadat adalah kerana kita tidak lagi melayani kehendak fizikal atau badan kita sebagaimana sebelumnya.
- Apabila seseorang itu kurang makan dan minum, badannya menjadi ‘lemah’ dan pada ketika itulah rohaninya mula dapat dikuatkan.
- Imam al-Ghazali yang sering menjadi rujukan umat Islam khususnya di kalangan ulamak Islam berkulit putih pada masa ini seperti Sheikh Hamza Yusuf dan Sheikh Abdal Hakim Murad, ada membincangkan konsep ‘The breaking of two desires’ (melemahkan dua nafsu, iaitu nafsu makan dan nafsu seks).
- Ini kerana, aspek kerohanian seseorang itu susah untuk dihidupkan sekiranya perutnya sentiasa dilayan dan begitulah juga alat kelaminnya.
- Dengan berpuasa, kedua-dua nafsu ini dapat ditundukkan, sekaligus ibadah selain daripada berpuasa itu, tadarus, tarawih, tahajjud dan lain-lainnya mudah dilakukan.
- Ketiga, iaitu perkara yang menyebabkan kita mudah beribadat disebabkan berpuasa menyebabkan kita kelaparan dan ia mengajar kita tentang masalah orang-orang yang miskin dan kebuluran.
- Sedikit sebanyak kita akan merasa insaf dan timbul rasa untuk bersedekah pada bulan Ramadhan berkenaan.
- Bagaimanakah kita **selepas** berpuasa pada bulan Ramadhan sehingga iman mencapai gred A+ dan sulaman indah disiapkan.
- Malam Syawal sering disebut sebagai malan Anugerah.

- Sudah tentulah mereka yang mendapat A+ dan menyiapkan sulaman yang indah akan diberi anugerah yang terhormat daripada Allah SWT.
- Soalnya, dimanakah kita yang insyaAllah mendapat A+ dan di mana wanita itu berada pada malam anugerah berkenaan?
- Di mana dan bagaimanakah kita semuanya pada hari raya?
- Bukankah sambutan Aidil Fitri adalah sambutan tanda kesyukuran kepada Allah kerana telah memberikan taufiq dan hidayah serta memandu kita mendapatkan A+ dan menyiapkan sulaman pada bulan puasa sebelumnya.
- Adakah tanda kesyukuran itu ditunjukkan sehinggakan ada sesetengahnya tidak solat Isyak dan tertinggal Subuh kerana sibuk untuk menyiapkan bagi sambutan esoknya dan sibuk bersuka ria bermain bunga api dan mercun serta lagha menonton program-program di kaca TV.
- Di hari rayanya pula, sibuk bersalam-salaman, dengan pakaian dan penampilan yang pelbagai sehingga lupa batas hukum dan ada pula yang tertinggal solat Zohor dan Asar pada siang hari.
- Ini tidaklah bermaksud kita tidak boleh bersuka-ria pada hari raya.
- Kita mungkin lupa, sehari sebelum berpuasa, gred iman kita adalah B dan baru sahaja menyiapkan bahan-bahan untuk sulaman.
- Allah mengikat syaitan untuk membolehkan kita bergerak tanpa gangguan langsung daripadanya.
- Lupakah kita, syaitan itu telah terlepas dan boleh menurunkan iman kita sehingga ada yang jatuh merudum ke gred F.



Iblis telah berazam akan menyesatkan bani Adam. Sejurus sahaja syaitan terlepas daripada belenggunya, dia tahu telah banyak peluang untuk menyesatkan kita tidak dapat dilakukan. Hari Raya ialah masa yang baik untuk menjahanamkan umat bani Adam yang tidak bersyukur pada hari Raya kerana Allah telah memandunya menjadi hamba yang A+ dan menghasilkan sulaman yang indah sepanjang bulan Ramadhan.

- Dalam al-Quran Allah ada menyebut tentang cerita mirip betapa ruginya seorang wanita yang perlahan-lahan menyiapkan sulamannya sehingga menjadi pakaian yang indah tetapi kemudiannya mengurai kembali sulaman-sulaman berkenaan.
- Ayat berkenaan terdapat pada Surah an-Nahl ayat 92 seperti berikut:
- *“Dan janganlah kamu seperti seorang perempuan yang menguraikan benangnya yang sudah dipintal dengan kuat, menjadi cerai berai kembali, kamu menjadikan sumpah (perjanjian)mu sebagai alat penipu di antaramu, disebabkan adanya satu golongan yang lebih banyak jumlahnya dari golongan yang lain. Sesungguhnya Allah hanya menguji kamu dengan hal itu. Dan sesungguhnya di hari kiamat akan dijelaskan-Nya kepadamu apa yang dahulu kamu perselisihkan itu”. (Surah an-Nahl: 92)*
- Nabi Muhammad pernah mengingatkan Ibnu Umar supaya tidak mengikut jejak si fulan yang melakukan kebaikan dengan banyak, tiba-tiba berhenti daripada meneruskannya.
- Para ulamak silam ada menyebut tentang tanggung jawab kita mentaati perintah Allah di bulan Ramadhan.
- Sama sahaja, sama ada di bulan Syaaban (sebelumnya) atau di bulan Syawal (selepasnya) kerana Tuhan yang disembah itu adalah Tuhan yang sama.
- Prestasi kita merudum bukan sahaja disebabkan hasutan syaitan yang telah terlepas itu tetapi tabiat makan yang banyak di hari raya.
- Tabiat ini menyebabkan fizikal kita menjadi kuat semula, yang sekali gus usaha untuk menundukkan nafsu makan dan syahwat yang diajarkan oleh Imam al-Ghazali terbengkalai.
- Banyak duit dibelanjakan sehinggakan kita lupa untuk memperuntukkannya bagi mendedekahkan kepada orang yang lapar dan kebuluran kerana kita sudah lupa sedikit tentang mereka kerana sentiasa dalam keadaan kekenyangan.
- Justeru itu, apakah yang kita perlu lakukan?
- Pertama sekali, wajarlah kita membentuk suasana dengan memilih rakan-rakan dari kalangan mereka yang beriman.
- Ini kerana, pengaruh kawan sangatlah penting.
- Dalam keadaan tidak berkawan dengan orang yang beriman, kita kluatir kita akan mudah berkawan dengan syaitan, yang menyebabkan kita menjadi sesat.
- Bisikan syaitan ini bukan sahaja datang daripada makhluk keturunan jin yang dijadikan daripada api tetapi juga dari manusia yang dijadikan daripada tanah.
- Perhatikan di hujung ayat Surah an-Nas yang menceritakan perbuatan membisikkan rasa was-was daripada jin dan manusia pada ayat

“Al lazii yuwas wisu fii suduurin naas, minal jinnati wan naas”.

- Yang kedua, sebagaimana yang banyak disebut oleh para ustaz dan ustazah, banyakkannya berpuasa, misalnya berpuasa enam atau puasa qada tanpa banyak berlengah-lengah.
- Jika kita terlepas peluang ini, lakukanlah puasa Isnin dan Khamis atau puasa-puasa sunat yang lain.

- Umat Nabi Daud diperintahkan berpuasa sekali pada setiap dua hari. Wallahua'lam.
- Ketiganya, rapatkanlah diri kita dengan orang yang miskin dan kebuluran, bukan sahaja dalam negeri bahkan di luar sempadan negara.
- Berikanlah sumbangan kepada orang Rohingya, Syria yang memerlukan, misalnya dan banyak lagi.
- Amatlah malang bagi diri kita yang telah berpuasa tetapi jatuh gred kepada B-sehari sebelum berpuasa untuk tahun hadapan kerana sehari sebelum berpuasa tahun ini, gred kita ada pada B.
- Mudah-mudahan dengan bersahabat di kalangan mereka yang beriman, membanyakkan berpuasa dan bersedekah di samping memastikan ibadat fardu yang lain, kita akan dapat menyediakan perisai bagi menangkis syaitan yang berkeliaran dan menundukkan nafsu makan dan syahwat serta dapat meningkatkan keinsafan tentang penderitaan orang lain.
- Sekiranya kita dari kalangan orang yang jatuh gred dengan merudum dan membuang masa membuka semula sulaman yang indah, marilah kita sama-sama memohon keampunan kepada Allah supaya diberi kekuatan agar gred kita sentiasa meningkat dan sulaman baru yang dibuat lebih indah dan ianya berterusan dari satu selepas Ramadhan kepada satu lagi selepas Ramadhan dan apabila Allah mencabut nyawa kita, kita dalam gred A+++ dengan sulaman yang paling indah untuk dibawa bekal ke akhirat nanti.
- Terdapat suatu hadis daripada Imam Bukhari tentang betapa perlunya kita berusaha untuk membuat sehabis baik sesuatu ibadah walaupun tidak mencapai 100% perfect.
- Hadis berkenaan bermula dengan kalimah yang poetic iaitu Siddadu Qaribu iaitu melakukan sepalng dekat dengan 100%.
- Hadis ini diakhiri dengan Allah tidak melihat tentang betapa besarnya amalan kita tetapi amalan yang berterusan (istiqamah) meskipun kecil.
- Mudah-mudahan kita dapat terus taat perintah Allah dengan terus beristiqamah.
- Survey di peringkat antarabangsa terhadap negara-negara Islam menunjukkan 95% umat Islam berpuasa pada bulan Ramadhan dan 60-65% yang menunaikan solat pada bulan Ramadhan.
- Sekiranya ketaatan kepada Allah ini boleh dilakukan secara istiqamah maka insyaAllah umat Islam akan disanjung di dunia dan dirahmati di akhirat.
- Bagaimana kita mengakhiri kehidupan atau amalan kita itu amatlah penting kerana ada hadis yang menyebut tentang "Innamal a'malu bil khawatim" (amalan kita dihakimi berdasarkan bagaimana kita di bahagian akhir amalan itu).
- Kita juga berdoa semoga Allah tidak mengambil nyawa kita melainkan kita telah benar-benar bersedia dengan pencapaian ini.
- Doa yang sering kita baca selepas solat amatlah sesuai dalam konteks perkongsian di bahagian akhir ini.
- Allah hummah tim lana bi husnil khotimah wala tahtim 'alaina bi suu il khotimah
- Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Walhamdulillahirabbil alamin.

More reading materials can be found at god-consciousness.wixsite.com